



“Percayalah, walaupun pahit, tetapi ia adalah penawar dan ubat untuk kita.”

- Sulaiman, ketika mengulas mengenai *lockdown*.

PKP PENUH 'TOTAL LOCKDOWN'

- Seluruh Malaysia laksana penutupan penuh atau '**total lockdown**' bagi kawal COVID-19
- Tempoh **lockdown** 1-14 Jun; PM minta semua duduk rumah
- Ketua Menteri berkata Melaka pilih kesihatan daripada ekonomi
- Sekatan jalan raya dipertingkatkan
- Barang makanan dan keperluan cukup - Exco
- Melaka buka lagi tiga PPV - Exco 2,3,4&6



'Total lockdown' dilaksanakan

KUALA LUMPUR – Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan COVID-19 memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh atau *'total lockdown'* sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan berkata sepanjang tempoh berkenaan, semua sektor tidak dibenarkan untuk beroperasi kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu yang akan disenaraikan MKN.

"Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira situasi terkini penularan COVID-19 di Malaysia dengan jumlah kes harian telah melebihi 8,000 kes dan kes aktif melebihi 70,000 kes."

"Setakat 28 Mei, seramai 2,552 orang telah meninggal dunia akibat wabak ini dan jumlah kematian semakin meningkat. Kewujudan varian-varian baharu yang lebih ganas dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi dan pantas juga turut mempengaruhi keputusan ini," demikian menurut kenyataan itu.

Sidang Khas MKN berkenaan dipengerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Mei lepas.

Kenyataan itu juga menyebut dengan peningkatan kes harian yang menunjukkan trend kenaikan mendadak sejak mutakhir ini, kapasiti hospital di seluruh negara untuk merawat pesakit COVID-19 juga semakin terhad.

Kerajaan juga akan melaksanakan *lockdown* fasa



SULAIMAN ketika ditemuramah pemberita diminta diminta mengulas mengenai pengumuman penutupan penuh atau *'total lockdown'* sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara, di Seri Bendahara, baru-baru ini.

kedua yang akan memberankan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi yang tidak melibatkan perhimpunan yang besar serta boleh mematuhi penjarakan fizikal, sekiranya fasa pertama berjaya mengurangkan kes harian COVID-19.

Fasa kedua ini akan dilaksanakan untuk tempoh empat minggu selepas fasa pertama berakhir.

"Setelah berakhirnya *lockdown* fasa kedua, langkah seterusnya ialah memasuki fasa ketiga iaitu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," menurut Pejabat Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun,

keputusan untuk beralih dari satu fasa ke fasa yang berikutnya akan tertakluk kepada penilaian risiko berdasarkan perkembangan kes harian semasa dan kapasiti hospital di seluruh negara untuk merawat pesakit COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kerajaan juga akan memastikan sistem kesihatan awam di negara ini tidak akan runtuh dan pelbagai sokongan dan bantuan akan diberikan kepada KKM untuk meningkatkan kapasiti hospital di seluruh negara.

"Kerajaan juga akan meningkatkan jumlah pemberian vaksin dalam tempoh beberapa

minggu akan datang dalam usaha untuk menghasilkan imuniti kelompok di negara ini.

Susulan keputusan kerajaan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial, Kementerian Keuangan akan memperincikan pakej bantuan kepada rakyat dan sektor ekonomi yang tersesak.

"Pengumuman mengenai pakej bantuan ini akan dibuat dalam masa terdekat. Semua rakyat dinasihatkan untuk terus berdisiplin dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Melaka pilih kesihatan daripada ekonomi - Sulaiman

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Melaka menyambut baik penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun '*total lockdown*' Fasa Pertama seperti yang diumumkan Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei lepas.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, walaupun pelaksanaan itu bakal memberi kesan dari sudut ekonomi, namun beliau mewakili kerajaan negeri terpaksa memilih kesihatan sebagai agenda utama yang perlu dijaga untuk masa depan negara.

Katanya lagi, sekiranya krisis kesihatan terus dia baikan, ia dikhuatiri akan memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi dan negara itu sendiri.

"Walaupun ekonomi itu penting, tetapi demi ekonomi pada masa hadapan, kesihatan ini perlu menjadi keutamaan. Jika kita terus membiarkan perkara ini dan kemudian semakin ramai rakyat dijangkiti, bagaimana ekonomi kita boleh berjalan?

"Dengan kebolehjangkitan yang tinggi dan kes-

"Yang terbaik ialah duduk di rumah atau *Stay At Home* untuk bersama-sama

yang mencanak saban hari keputusan ini sememangnya tepat dan saya yakin ini juga yang dinanti-nantikan oleh rakyat Melaka yang sudah pasti bimbang dengan kes harian di negeri ini yang semakin baik.

"Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana prihatin dengan keadaan ini dan telah membuat satu keputusan yang cukup baik," katanya ketika ditemui di kediamannya di Seri Bendahara, di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sulaiman meminta semua rakyat agar bersabar dengan pelaksanaan '*total lockdown*' fasa pertama selama 14 hari ini dan memberikan kerjasama penuh dalam membantu kerajaan memutuskan rantai COVID-19.

"Saya tahu mungkin ada yang akan terkesan, tetapi saya minta semuanya patuhilah SOP yang ditetapkan dan banyakkan bersabar."

"Percayalah, walaupun pahit, tetapi ia adalah penaruh dan ubat untuk kita menghentikan rantaian COVID-19," katanya lagi.

melandaikan lenguk jangkitan COVID-19," menurut penyataan itu. - BERNAMA

KM rayu rakyat Melaka tegasi temu vaksin

KERAJAAN Melaka merayu rakyat negeri ini tidak bersikap sambil lewa dengan mengabaikan janji temu

suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang telah ditetapkan.

Ketua Menteri Datuk Seri

Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia berikutan sehingga kini terdapat kira-kira 20 peratus atau kira-kira 3,934 rakyat negeri ini dikesan tidak hadir ke PPV bagi mendapatkan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Situasi itu, jelasnya, nyata membimbangkan kerana ia dikhuatir boleh menggagalkan usaha kerajaan untuk mencapai imuniti berkelompok dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat divaksin.

"Saya merayu sangat kepada rakyat, kalau sudah daftar dan mendapat janji temu, datanglah ke PPV ditetapkan untuk mendapatkan suntikan vaksin. Kepada yang belum mendaftar vaksin, daftarlah segera.

"Dengan cara ini kita dapat membantu petugas kesihatan. Jika

tidak hadir, ia bukan sahaja menyarkkan tugas mereka tetapi juga kita risau bekalan vaksin yang ada itu boleh rosak sekiranya ia kerap keluar masuk daripada tempat simpanan khas yang ditetapkan.

"Kerajaan telah mengeluarkan belanja berbilion ringgit untuk memberikan vaksin secara percuma kepada rakyat agar semua diajuhkan daripada pandemik yang berbahaya ini," katanya.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31 MEI 2021	5.48 am	7.02 am	1.11 pm	4.36 pm	7.18 pm	8.32 pm
01 JUN 2021	5.48 am	7.02 am	1.11 pm	4.36 pm	7.18 pm	8.33 pm
02 JUN 2021	5.48 am	7.02 am	1.12 pm	4.36 pm	7.18 pm	8.33 pm
03 JUN 2021	5.48 am	7.02 am	1.12 pm	4.37 pm	7.18 pm	8.33 pm
04 JUN 2021	5.48 am	7.02 am	1.12 pm	4.37 pm	7.18 pm	8.33 pm
05 JUN 2021	5.49 am	7.02 am	1.12 pm	4.37 pm	7.19 pm	8.34 pm
06 JUN 2021	5.49 am	7.03 am	1.12 pm	4.37 pm	7.19 pm	8.34 pm



SEHINGGA kini terdapat kira-kira 20 peratus atau kira-kira 3,934 rakyat negeri ini dikesan tidak hadir ke PPV bagi mendapatkan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). GAMBAR FAIL

Lebih 800 SJR seluruh negara mulai 1 Jun



LEBIH 800 sekatan jalan raya seluruh negara akan diadakan bermula 1 Jun. GAMBAR FAIL

“Jabatan Imigresen bersama Jabatan Pendaftaran Negara dan polis juga akan meningkatkan operasi penguatkuasaan secara bersepadu di kawasan-kawasan penempatan warga asing di seluruh negara”

PUTRAJAYA — Bilangan sekatan jalan raya (SJR) di seluruh negara akan ditingkatkan kepada lebih 800 menerusi pelaksanaan sekatan pergerakan penuh bermula 1 Jun berbanding hampir 600 ketika ini, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Beliau berkata seramai 70,000 anggota polis dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan ditugaskan di seluruh negara termasuk 15,000 anggota Jabatan Imigresen, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela).

Menurutnya kekuatan polis ditambah kepada 55,000 anggota berbanding 37,000 anggota ketika ini bagi memastikan aspek penguatkuasaan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dapat dilaksanakan secara berkesan.

“Sekiranya jumlah ini dirasakan tidak cukup, kita akan tambah lagi anggota daripada pelbagai agensi dan jabatan di bawah KDN,” katanya dalam sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat penutupan

semua sektor ekonomi dan sosial dalam sekatan pergerakan penuh di peringkat KDN, di sini pada 29 Mei lepas.

Turut hadir, Ketua Polis Negara Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, Ketua Pengarah Imigresen Datuk Khairul Dzamee Daud dan Ketua Pengarah Maritim Malaysia Datuk Mohd Zubil Mat Som.

Hamzah berkata Pasukan Pemantauan Pematuhan SOP juga akan melaksanakan pemeriksaan secara mengejut dengan kerjasama kementerian dan agensi kerajaan berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Pihak Berkusa Tempatan bagi memastikan pematuhan SOP sektor sosial dan ekonomi.

“Pemeriksaan juga akan melibatkan kawasan di luar bandar dan lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai berkumpul,” katanya serta menambah keanggotaan Pasukan Pemantauan Pematuhan SOP akan ditingkatkan kepada hampir 20,000 orang berbanding 13,795 orang ketika ini.- BERNAMA

Melaka buka tiga Pusat Pemberian Vaksin baharu

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER MOLEK — Sebanyak tiga lagi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam baharu akan dibuka di negeri ini bermula hari ini bagi menampung proses pengagihan vaksin membabitkan rakyat negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, tiga PPV awam yang baharu itu ialah di Dewan Hang Tuah iaitu di daerah Melaka Tengah, Dewan CREATE Simpang Ampat (Alor Gajah) dan Dewan Hj Ahmad Ithnin Merlimau (Jasin).

Penambahan itu menjadikan Melaka kini mempunyai enam PPV awam selepas Dewan Tun Ali, Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Masjid Tanah dan Dewan Alamanda, Jasin dibuka bulan lalu iaitu pada permulaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa 2.

“Selain lokasi tersebut, kita juga akan membuka empat lagi PPV awam iaitu Dewan CTRM Batu Berendam, Dewan MMU, Dewan MPHTJ Bukit Beruang dan Dewan UiTM Alor Gajah yang akan dibuka pada 15 Jun depan,” katanya.

Rahmad berkata, selain pemberian vaksin melalui tiga hospital dan 10 PPV awam, klinik swasta juga akan melibatkan diri dalam pemberian vaksin Fasa 2 yang mana ia akan bermula pada 1 Jun depan.

Jelasnya, sebanyak 12 buah klinik swasta telah bersedia sebagai Pusat Pemberian Vak-

sin Klinik Swasta (PPVGP) untuk pemberian vaksin Fasa 2 iaitu 10 klinik swasta di daerah Melaka Tengah dan dua klinik swasta di daerah Alor Gajah.

“Dengan penambahan PPV ini adalah dijangkakan seramai 109,510 orang rakyat Melaka akan menerima vaksin.

“Ini bermakna 97 peratus daripada mereka yang layak bagi Fasa 2 dan telah mendaftar dalam MySejahtera akan menerima vaksin mereka menjelang 30 Jun depan,” katanya lagi.

Dalam pada itu, mengulas dakwaan bekas Ketua Menteri Adly Zahari yang mempersoalkan kadar pemberian vaksin yang perlakan di negeri ini, Rahmad menjelaskan ia disebabkan bilangan dos vaksin yang rendah yang diterima

Melaka daripada Kementerian Kesihatan (KKM).


Menurutnya, sehingga 19 Mei, Melaka hanya menerima sebanyak 84,380 dos vaksin yang mana daripada jumlah itu sebanyak 46,042 telah digunakan untuk petugas barisan hadapan pada PICK Fasa 1, manakala sebanyak 20,073 dos telah digunakan bagi fasa 2 sehingga 22 Mei lalu dan baki sebanyak 18,265 pula akan terus diberi untuk penerima yang dijadualkan di PPV ditetapkan.

“Bagi mengatasi masalah ini (kekurangan bekalan vaksin), Jabatan Kesihatan Negeri telah memohon tambahan vaksin mengikut kapasiti sebenar PPV sedia ada termasuk PPV baru yang akan dibuka nanti,” ujarnya.



RAHMAD

PENUTUPAN SEKTOR SOSIAL & EKONOMI



MKN - Majlis Keselamatan Negara
PKP - Perintah Kawalan Pergerakan

SOP - Prosedur operasi standard
KKM - Kementerian Kesihatan

INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI

SUMBER : Pejabat Perdana Menteri

Belum ada data rakyat terkesan diterima - Norhizam



“InsyaAllah saya cuba bantu, kepada mereka yang terkesan akibat bencana banjir buatlah laporan polis dan berjumpa saya, bawa sekali dokumen yang sepatutnya nyatakan kerugian dan hantar kepada saya.”

Datuk Norhizam Hassan Baktee

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perniagaan dan Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Kerajaan Melaka meminta rakyat negeri ini yang akan terkesan dengan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau *'total lockdown'*. Fasa Pertama bermula 1 Jun ini tampil dengan membawa data yang lengkap.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perniagaan dan Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata golongan itu meliputi petani, pesawah, pertenak serta peniaga kecil di negeri ini.

“Kita minta mereka tampil ke depan dengan membawa data, contohnya lesen perniagaan, berniaga jenis apa, bawa Sijil Pendataran Perniagaan SSM serta akaun bank dan hantarkan kepada saya.

“InsyaAllah saya cuba bantu, kepada mereka yang terkesan akibat bencana banjir buatlah laporan polis dan berjumpa saya, bawa sekali dokumen yang sepatutnya nyatakan kerugian dan hantar kepada saya,” katanya kepada MHI.

Norhizam berkata pihaknya akan membawa sendiri perkara tersebut kepada pihak kementerian untuk menyuarakan rintihan rakyat yang terkesan.

“Saya akan dokumentasikan perkara tersebut dan hantar kepada kementerian yang melibatkan melibatkan usahawan dan pertanian.

“Kita (kerajaan negeri) tiada masalah, tugas EXCO untuk membantu rakyat, tetapi jika tiada laporan bagaimana saya nak bertindak, setakat ini belum ada lagi data yang diterima,” katanya.

Program Subsidi Upah Pemain industri pelancongan mohon bantuan diteruskan



HOCK GIN



MADELINE

AYER KEROH – Pemain industri pelancongan di negeri ini menyeru agar bantuan di bawah Program Subsidi Upah (PSU) dilanjutkan sehingga hujung tahun ini bagi membolehkan pembayaran gaji pekerja sedia ada.

Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) Madeline Kuah Wey Lee berkata, pada masa sama pihaknya meminta pemberian bantuan itu turut dinaikkan dari RM600 kepada RM1,200 sebulan.

“Diikutkan tarikh sebenar PSU ini dilaksanakan sehingga bulan Jun ini, namun rentetan kerajaan umumkan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau *'total lockdown'* bermula 1 Jun, jadi bantuan PSU perlu dilanjutkan lagi.

“Bantuan PSU dan seumpamanya perlu dilaksanakan dengan kadar segera serta menyambung bantuan upah tersebut yang dikira sedikit sebanyak membantu mengurangkan lambakan kes diberhentikan kerja khususnya di negeri ini,” katanya kepada MHI.

Katanya lagi pihaknya turut meminta supaya pemain industri atau agen pelancongan di negeri ini mencari alternatif lain walaupun industri pelancongan tidak dapat beroperasi.

Pada 28 Mei lepas kerajaan mengumumkan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau *'total lockdown'* Fasa Pertama di seluruh negara selama 14 hari, bermula 1 hingga 14 Jun depan.

Penjaja akur arahan *'total lockdown'*

Farah Suhaidah Othman

CHENG - Peniaga dan penjaja kecil di negeri ini berdepan kerugian selepas terpaksa membeli stok barang untuk seminggu perniagaan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya dikuatkuasakan bermula 1 hingga 14 Jun.

Nurasma Husna Bakri, 30 berkata dia terpaksa menghabiskan kira-kira RM500 untuk membeli keperluan perniagaannya dua hari sebelum PKP sepenuhnya diumumkan kerajaan pada 28 Mei lepas.

Bagaimanapun katanya, sebagai rakyat dia akur dengan arahan itu demi memastikan kesihatan awam rakyat di negeri ini terjamin namun pada masa mengharapkan arahan itu berlanjutan dalam tempoh dua minggu sahaja dan tidak berlanjutan untuk tempoh jangka panjang.

“Jika tidak dibenarkan berniaga, sememangnya memberikan kesan kepada saya kerana bergantung kepada pendapatan harian, jadi kalau buat PKP penuh barang-barang yang dibeli tidak boleh digunakan.

“Mujur saya hanya membeli stok barangan kering sahaja jadi boleh disimpan untuk jangka masa panjang,” katanya ketika ditemui di gerai jualannya di Cheng, baru-baru ini.

Sementara itu, bagi Muhd Iskandar Nazarudin, 21 yang berniaga kuih dan air di tepi sebuah pasar raya berkata, dia menghabiskan kira-kira RM700 hingga RM800 untuk membeli keperluan stok jualan setiap minggu.

“Boleh dikatakan rugi juga kerana

- Sebagai peniaga sudah tentu kita terkesan namun apa boleh buat, demi kesihatan rakyat, saya sendiri sebagai peniaga terpaksa akur.

- **PENJAJA, Melisa Japil, 36**



NORASMA

saya sudah *'standby'* awal untuk beli stok barang, alih-alih diarahkan PKP sepenuhnya.

“Bagaimanapun, Alhamdulillah selepas pengalaman menjalani PKP 1.0, saya lebih berjimat dan perlu ada simpanan untuk menghadapi PKP semula,” katanya.

Berlainan pula bagi penjual air, Melisa Japil, 36 yang turut menjalankan perniagaan atas talian selain menjajal di tepi jalan.

Jelasnya, arahan PKP sepenuhnya itu tidak menjelaskan pendapatan hariannya kerana dia sudah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dengan melakukan perniagaan lain untuk



MUHD ISKANDAR

menjana pendapatan.

“Sebagai peniaga sudah tentu kita terkesan namun apa boleh buat, demi kesihatan rakyat, saya sendiri sebagai peniaga terpaksa akur.

“Jadi untuk sementara ini, jika tidak dibenarkan berniaga di tepi jalan, saya buat perniagaan atas talian lain dengan menjual ayam madu jadi boleh melakukan *'cash on delivery'* berdasarkan permintaan.

“Ramai peniaga sudah belajar dari pengalaman PKP 1.0 dan lebih bersedia jadi saya sendiri gunakan pendekatan kreatif untuk melakukan apa juga jenis perniagaan untuk kelangsungan hidup,” katanya.

Vaksin COVID-19

KPWKM nafi abaikan warga emas di pusat jagaan

Faris Haikal Zakaria

PAYA RUMPUT – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya warga emas khususnya di pusat jagaan tidak diberi keutamaan sewajarnya dalam mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Menurutnya, setakat ini, seramai 652 orang penghuni warga emas di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekurang-kurangnya mendapat suntikan dos pertama vaksin berkenaan.

“Saya menafikan dakwaan itu (warga emas dikecetakan) kerana di pihak kami, saya dimaklumkan daripada kira-kira 1.8 juta warga emas yang berdaftar, sebanyak 693,000 orang

kepada warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Menurutnya, setakat ini, seramai 652 orang penghuni warga emas di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekurang-kurangnya mendapat suntikan dos pertama vaksin berkenaan.

“Malah, kita ada sukarelawan yang akan menggerakkannya vaksin secara mobile,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Rumah Seri Kenangan Cheng, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rina turut memaklumkan pihaknya termasuk petugas kesihatan akan menyemak segala maklumat secara terperinci yang menjadi faktor kepada ketidakhadiran warga emas yang berdaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin.

Jelasnya, ia sekali gus dapat menyalurkan maklumat yang tepat kepada masyarakat mengenai kepentingan mengambil vaksin berkenaan khususnya kepada warga emas di negara ini.

“Berkenaan isu yang berlaku di Kelantan, saya rasa di-

- Kita di peringkat kementerian akan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mempergiat usaha menggalakkan mereka mengambil vaksin

sini peranan kita untuk menyemak faktor yang menyebabkan mereka tidak hadir, adakah mereka mempunyai urusan tak dapat dielakkan atau mereka sememangnya menolak vaksin.

“Jadi, kita tidak akan putus asa untuk menggerakkan usaha menjayakan program PICK ini termasuk menggalakkan penduduk di luar bandar berdaftar. Peranan semua pihak seperti ketua kampung dan pemimpin masyarakat di setiap kawasan

juga amat digalakkan,” katanya.

Beliau diminta mengulas laporan media bahawa hampir 10,000 penduduk di Kelantan dengan sebahagian besar berusia 60 tahun ke atas dikecualikan gagal hadir menerima suntikan vaksin sehingga Sabtu lalu.

Dalam program di Rumah Seri Kenangan, seramai 162 orang penghuni warga emas di pusat penjagaan tersebut telah menerima suntikan vaksin COVID-19.

'Selamat bertugas YB!'

AYER KEROH - Peguam Kanan Persekutuan, Abdul Aziz Engan secara rasmi dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka yang baharu berkuat kuasa 21 Mei lalu.

Beliau yang berasal dari Johor menggantikan Datuk Mohamad Abazafree yang akan bertugas sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Kelantan selepas tiga tahun menabur bakti di Melaka.

Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka ketika dihubungi memaklumkan Abdul Aziz, 50, sebelum ini bertugas di Jabatan Peguam Negara di Putrajaya.

“Beliau (Abdul Aziz) bersyukur atas pelantikan dan kepercayaan diberikan untuk berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka.

“Beliau juga bersedia menyumbang khidmat di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka,” katanya.

Dalam pada itu, Sulaiman menerusi hantaran terkini di Facebook rasminya menjelaskan kerajaan negeri mengalu-alukan kedatangan Abdul Aziz.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengalu-alukan YB Abdul Aziz di dalam pentadbiran kerajaan negeri. Selamat bertugas YB!,” katanya.

Beliau turut berkongsi gambar pertemuan mereka yang diadakan di Pejabat Ketua Menteri di Seri Negeri, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Dr. Hasim Hasan.



RINA (kanan) diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen (dua dari kanan) menyantuni warga emas yang menerima vaksin ketika hadir lawatan kerja pada program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Rumah Seri Kenangan Cheng, Taman Cheng Perdana, baru-baru ini. Foto MR. Azli

Jangan percaya golongan anti vaksin

Faiz Hasan

AYER KEROH - PAS Melaka menyeru semua lapisan masyarakat di negeri ini mengambil perhatian terhadap usaha kerajaan dalam merangkul COVID-19.

Pesuruhjaya PAS Melaka Datuk Kamarudin Sidek berkata, pelbagai usaha telah dijalankan, namun masih ramai tidak ambil peduli bahkan seolah-olah sanggup menunggu saat kematian.

“Kita jangan mempercayai anasir atau hasutan

jahat yang anti vaksin, terutama yang tidak punya keparahan dan kelayakan untuk memberi komen serta pandangan.

“Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan lebih RM3 bilion untuk langkah pencegahan daripada merebaknya wabak COVID-19, tetapi sambutan agak mendukacitakan,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Jelasnya, setakat ini cuma 32 peratus sahaja daripada 32 juta rakyat Malaysia

yang sudah mendaftar MySejahtera untuk menerima vaksin.

“Di Melaka pula setakat ini hanya 47 peratus yang sudah mendaftar. Lebih malang lagi apabila warga emas Melayu terlalu sedikit yang datang untuk menerima vaksin ini berbanding kaum Cina.

“Saya juga menyeru kepada semua rakyat Malaysia khusus rakyat Melaka agar sahut saranan kerajaan supaya mengamalkan ‘self-lockdown’ dan jaga diri kita dan keluarga kita,” katanya lagi.



KAMARUDIN

Barang makanan dan keperluan mencukupi

AYER KEROH – Bertengah dan jangan timbulkan sebarang spekulasi hingga mendatangkan keadaan panik dalam kalangan pengguna.

Itu peringatan Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tengaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Wira Ar. Ismail Othman kepada orang ramai di negeri ini agar tidak melakukan 'pembelian panik' susulan keputusan kerajaan melaksanakan melaksanakan penutupan penuh atau total *lockdown* sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun.

Katanya, kerajaan negeri



ISMAL

keperluan harian adalah mencukupi sepanjang PKP 3.0 (12 Mei hingga 7 Jun ini).

"Sehubungan itu, saya minta pengguna di negeri ini dapatkan bekalan makanan dan keperluan yang sewajarnya saja dan tidak berlebihan hingga mencetuskan 'pembelian panik'."

"Bekalan makanan dan barang keperluan makanan ada, tidak perlu pembelian panik," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Baru-baru ini, Ismail turun padang membuat tinjauan bekalan barang keperluan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) menerusi Ops HAD 2J di sebuah pasar raya di negeri

ini bersama KPDNHEP negeri.

Dalam perkembangan sama, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Melaka menerusi catatan di Facebook rasminya menyatakan pihaknya komited bagi memantau kestabilan bekalan makanan, barang kawalan dan keperluan asas.

"Peniaga juga turut dipantau agar mematuhi segala perundungan yang dikuatkuaskan oleh KPDNHEP mahupun Akta 342."

"Laporkan jika anda terlihat atau mengetahui sebarang salah laku peniaga atau kekurangan barang kawalan," katanya.



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP negeri sentiasa memantau bekalan barang keperluan. Foto FB KPDNHEP Melaka

PKPD Kampung Lubuk Redan dilanjutkan hingga 5 Jun

Faiz Hasan

AYER KEROH - Kerajaan bersetuju pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lubuk Redan, Masjid Tanah dilanjutkan dari 30 Mei hingga 5 Jun.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat kerana masih berlaku penularan jangkitan COVID-19 di lokaliti terbabit.

Katanya, kerajaan sebelum ini melaksanakan PKPD di kampung itu yang dijadualkan tamat esok (29 Mei 2021).

"Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 617 ujian saringan dan 27 individu disahkan positif COVID-19.

"KKM mengesahkan pen-

II Bagi kluster ini, 699 kes tidak bergejala dikesan berbanding yang bergejala iaitu 151 kes **II**

ularan masih berlaku di lokaliti tersebut dan kes baharu direkodkan serta terdapat juga sampel ujian sedang menunggu keputusan.

"Selepas membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Lubuk Redan, Alor Gajah, Melaka bermula 30 Mei sehingga 5 Jun 2021," katanya dalam

satu kenyataan pada 28 Mei lepas.

Sementara itu, beliau berkata, sikap 'keras kepala' segeleintir yang ingkar prosedur operasi standard (SOP) dengan melakukan pergerakan rentas negeri dan daerah untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri mewujudkan 24 kluster sambutan perayaan itu setakat 27 Mei lalu.

"Secara kumulatifnya, 850 kes direkodkan daripada kluster ini manakala seramai 3,309 individu sudah menjalani ujian saringan.

"Paling membimbangkan apabila KKM mendapat kebanyakkan kes positif dilaporkan membabitkan individu yang tidak bergejala.

"Bagi kluster ini, 699 kes tidak bergejala dikesan berbanding yang bergejala iaitu 151 kes," katanya.



PKPD di Kampung Lubuk Redan, Masjid Tanah dilanjutkan hingga 5 Jun ekoran masih berlaku penularan jangkitan COVID-19 di lokaliti terbabit. Gambar Fail

Bacaan Yasin mohon perlindungan rakyat

Farah Suhaidah Othman



AYER KEROH - Semua masjid dan surau di negeri akan memperdengarkan bacaan Yasin bagi memohon perlindungan wabak COVID-19 yang kian meningkat serta kesejahteraan rakyat Palestin yang dizalimi rejim Zionis bermula 29 Mei.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Che Sukri Che Mat ber-

berkata, alunan bacaan itu akan diperdengarkan menerusi alat siar raya supaya Allah SWT mengurniakan perlindungan kepada rakyat di negeri ini dan Malaysia amnya daripada ancaman pandemik itu serta untuk rakyat Palestin yang ditindas.

Katanya, arahan itu akan berkuat kuasa sehingga arahan terbaharu daripada pihak berkuasa agama negeri.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri bersetuju supaya masjid dan surau di negeri ini memperdengarkan bacaan Yasin selepas solat Maghrib setiap hari.

"Bagi bacaan ayat suci al-Quran dan doa, akan diperdengarkan selepas waktu azan atau solat Subuh; Zuhur; Asar dan Isyak," katanya dalam

"Bagi alunan bacaan ayat suci al-Quran hendaklah diuruskan oleh jawatankuasa masjid dan surau," katanya.

II Bagi bacaan ayat suci al-Quran dan doa, akan diperdengarkan selepas waktu azan atau solat Subuh; Zuhur; Asar dan Isyak **II**



AZMZI menulis ucapan ulang tahun perkahwinan yang diletakkan dalam bekas polisterin sebagai kejutan buat isterinya.

Kejutan nasi 'cincin' Frontliner rai ulang tahun perkahwinan

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Kesibukan tugas harian sebagai 'front-liner', tidak menghalang kreativiti seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Mohd Azmizi Azhari, 33 meraikan ulang tahun perkahwinannya yang ke-8 dengan cara tersendiri.

Bertugas di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Jasin, Mohd Azmizi membuat kejutan buat isterinya, Faseha Misidari, 32, dengan menghadiahkan sebentuk cincin diletakkan di dalam bekas polisterin makanan.

Menurutnya, idea itu terdetik selepas minggu lalu dia turut membuat kejutan sambutan hari lahir bapanya di Terengganu.

"Idea tu tidak terlintas pun pada mulanya, namun minggu lepas 'birthday' ayah di kampung (Terengganu) saya sekadar panggil 'surprise delivery' buat belon-belon di kampung."

"Lepas tu saya terfikir, bulan ni ada lagi 'anniversary' nak kena sambut, saya pula sibuk kerja hari-hari kena menghadap kes COVID-19 dekat Jasin ni."

"Masa beli barang dekat Pasaraya Mydin Jasin, dalam tu ada kedai emas, isteri saya memang suka barang kemas, jadi saya buat keputusan nak beli cincin emas sebab isteri dah ada gelang dan lain-lain," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI), baru-baru ini.

Katanya, sebelum ini sambutan ulang tahun perkahwinan diraikan dengan membawa isteri dan anak-anak pergi makan di luar, namun ia terbatas sejak penularan wabak COVID-19.

"Malam sebelum 'anniversary' tu saya baru terfikir nak buat macam mana sebab nak sambut dekat luar tak boleh."

"Jadi saya rancang bangun awal pagi pergi beli makanan, waktu tu isteri tengah tidur lagi, sampai di gerai saya bungkus roti canai dan minta bekas polisterin lebih."

"Saya buat senyap-senyap dalam kereta tulis sikit ucapan atas kertas letak dalam polisterin sekali cincin, tak tahu dia (isteri) jam 11 baru tengok sarapan tu."

"Tiba-tiba isteri hantar pesanan di 'WhatsApp' ucapan terima kasih dan terharu, pada awalnya dia pelik kenapa bekas polisterin tu ringan sangat, ingatkan ada makanan rupanya hadiah cincin," kata bapa kepada dua orang anak lelaki.

Azmizi berkata, kejutan itu sebagai tanda penghargaan buat isterinya yang selalu meluangkan masa menjaga anak-anak memandangkan dia sendiri tiada masa untuk bersama keluarga.

"Saya dari tahun lalu sejak PKP 1.0 kerja tak henti. Saya buat macam ni sebab saya selalu kerja keluar malam balik pagi, kadang tu dia (isteri) yang juga anak-anak."

"Saya balik kerja dah penat dia la yang uruskan, jadi kejutan ni sebagai penghargaan dan dia rasa seronok saya hargai dia," katanya.

Pesakit COVID-19 di PKRC MITC dijangka meningkat

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Jumlah pesakit COVID-19 tahap satu dan dua yang diquarantine di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) semakin bertambah saban hari dan mungkin dijangka boleh melepassi angka 1,000 pesakit.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah Negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, setakat Rabu, seramai 593 orang telah ditempatkan di PKRC berkenaan.

Jelasnya, jumlah itu bagaimanapun akan bertambah berikutnya masih terdapat 328 pesakit positif COVID-19 masih menunggu penempatan.

"Setakat 26 Mei lepas kita sudah ada hampir 600 pesakit di PKRC MITC, namun di sebelah petang pada tarikh yang sama masih ada sejumlah pesakit menunggu penempatan.

"Kebiasaannya separuh daripada jumlah yang menunggu penempatan itu akan dimasukkan ke PKRC MITC, namun kesemuanya bergantung kepada penilaian yang dibuat oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI), baru-baru ini.



SETAKAT 26 Mei lepas, seramai 593 orang telah ditempatkan di PKRC MITC.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, kapasiti katil yang merawat pesakit COVID-19 di Hospital Melaka juga kian meningkat apabila lebih 50 peratus atau 271 daripadanya telah diisi dengan pesakit.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih terdapat 251 katil yang boleh menempatkan pesakit COVID-19 sekir-

anya masih berlaku peningkatan.

Dalam perkembangan lain, Rahmad menepis dakwaan terdapat 10 buah kilang telah ditutup di negeri ini disebabkan jangkitan COVID-19.

Beliau berkata, pihaknya belum menerima maklumat berhubung perkara berkenaan dan akan memaklumkannya dari semasa ke semasa.

Dua sahabat bertemu di PKRC selepas 20 tahun terpisah

AYER KEROH – Siapa sangka, kesakitan menjadi hikmah buat dua rakan baik yang terpisah sejak lebih 20 tahun lalu sebelum keduanya bertemu di Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Walaupun berada dalam situasi kedua-duanya dijangkiti COVID-19, namun pertemuan itu dianggap cukup bermakna buat seorang mekanik, Shikh Muhammad Makhdad Harun, 48.

Menceritakan detik per-

temuan itu, dia yang dikenali sebagai Pak Ngah berkata, pada awalnya dia hanya ingin berkenalan dengan semua pesakit yang dimasukkan ke PKRC berkenaan.

Namun, ketika bertanya khabar seorang lelaki dari Merlimau yang baru sahaja dimasukkan, dia terkejut apabila mendapati lelaki berkenaan merupakan rakan baiknya yang pernah berkerja bersama di sebuah kilang di Batu Berendam sekitar tahun 1995.

"Mula-mula memang tak perasan sebab kami berdua pakai pelitup muka. Bila sudah

rancak bersempang, tiba-tiba sahaja Pak Ngah rasa macam kenal dan bila lihat mukanya, barulah Pak Ngah sedar dia ialah Man (Noorazman), rakan sekerja yang sudah 20 tahun tidak berjumpa.

"Mana taknya, kami sempat berkerja bersama kira-kira setahun sebelum dia berpindah kerja dan menetap di Merlimau. Pada masa itu, tiada nombor telefon untuk Pak Ngah hubungi.

"Siapa sangka walaupun, diuji dengan COVID-19, kami dipertemukan di sini dan dapat mengimbau nostalgia



PAK Ngah (kiri) bersama Noorazman yang bertemu di PKRC MITC, Ayer Keroh selepas 20 tahun terpisah. Foto ihsan Shikh Muhammad Makhdad

lalu. Memang seronok sangat," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini pada 24 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Pak Ngah yang juga terkenal sebagai antara insan yang banyak menjalankan kerja-kerja amal di Melaka berkata, dia mula terkena jangkitan COVID-19 daripada surau berhampiran rumahnya di Taman Asean apabila ada jemaah disahkan positif COVID-19.

Rentetan daripada itu, dia bersama isteri dan anak sulungnya turut disahkan positif COVID-19 sebelum dimasukkan ke PKRC MITC semalam.

"Walaupun diquarantine di tempat baharu, namun kesemua kami selesa berada di sini, cuma dewan ini sejuk sedikitlah. Tetapi dari segi lain-lain, terutama membabitkan membabitkan layanan dan makan, minum memang terbaik."

"Paling Pak Ngah bersyukur, di sini, kami boleh solat berjemaah rapat-rapat kerana semua yang ada di sini positif. Memang berbeza la dengan surau dan masjid yang memerlukan penjarakan satu meter," ujarnya lagi.

'Duit boleh cari, nyawa tidak boleh diganti'

AYER KEROH – Rakyat rata-ratanya menyokong penuh kerajaan memperketatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mengawal pembukaan lebih banyak sektor ekonomi demi mengurangkan kadar jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti.

Penjawat awam Nurul Husna Mansor, 32, berkata sudah tiba masanya kerajaan memperketatkan kawalan pergerakan orang ramai seperti PKP 1.0 supaya penularan COVID-19 berkurangan.

Katanya, kesihatan masyarakat lebih penting supaya rakyat mampu menjana ekonomi dengan lebih baik selepas segala-galanya dalam keadaan selamat.

"Bagi saya, lebih baik kerajaan buat 'lockdown' sebagaimana PKP 1.0 supaya kesihatan awam lebih terjamin, malah pendapatan ekonomi boleh dipertingkatkan jika



Kesihatan masyarakat lebih penting supaya rakyat mampu menjana ekonomi dengan lebih baik selepas segala-galanya dalam keadaan selamat. - Nurul

kesihatan awam terjaga.

"Jika kerajaan buat prosedur operasi standard (SOP) sekejap perketat, sekejap longgar, kes makin lama makin meningkat... duit boleh dicari, nyawa tidak boleh diganti," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Justeru, katanya kerajaan perlu mengambil langkah drastik bagi mempercepatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

"Kerajaan perlu mempercepatkan lagi program vaksinasi untuk membentuk imuniti kelompok masyarakat sekali gus dapat mengurangkan jangkitan COVID-19," katanya.

Pekerja swasta Mohammad Saiful Asraf Hamdan, 24, turut senada apabila melahirkan rasa kecawa kerana kes COVID-19 semakin meningkat dalam kalangan komuniti.

"Kerajaan patut laksanakan PKP seperti

PKP 1.0 selama 21 hari supaya betul-betul memberi kesan kepada penurunan kes.

"Ini tidak, sekejap tutup sekejap buka, seolah-olah seperti separuh masak. Kes tetap naik, tidak ada perubahan."

"Saya rasa kalau ada yang bercakap mengenai soal terjejas, semua terjejas malah ramai yang sudah dibuang kerja, jadi untuk keadilan semua pihak, laksanakan PKP seperti 1.0 supaya melandaikan lengkung COVID-19," katanya.

Bagi peniaga kasut, John Yap, 40-an, dia berpendapat dia tidak kisah jika kerajaan mahu melaksanakan PKP sepenuhnya asalkan semua pihak bekerjasama untuk memastikan penurunan kes.

Katanya, tiada guna jika kerajaan memperketatkan kawalan orang ramai tetapi orang ramai sendiri enggan beri kerjasama.

"Saya tidak kisah sama ada perlu PKP sepenuhnya atau tidak asalkan rakyat sendiri beri kerjasama dan mematuhi arahan kerajaan," katanya.

Tiada lambakan hasil tani di Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka menafikan wujudnya lambakan hasil tani di negeri ini yang tidak terjual sepanjang tahun ini biarpun dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Wira Ghazale Muhamad berkata, setakat ini tiada aduan yang diterima pihaknya membabitkan masalah itu.

Malah, ujar beliau, FAMA Melaka juga mengambil inisiatif membeli hasil

tani dan menjualnya di pasar tani seluruh negeri ini.

"Memang tiada (lambakan hasil tani). Ini kerana pasar tani dan pasar awam masih dibuka dan semua hasil tani masih boleh dijual.

"Alhamdulillah, kita tidak mendengar sebarang rungutan atau aduan dari pada petani yang menyatakan mereka bermasalah dengan lambakan hasil setakat ini," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sekiranya berlaku lambakan hasil tani di mana-mana tempat di seluruh negara,

petani atau peraih boleh mengambil inisiatif untuk menjual hasil tani mereka di negeri dan daerah lain.

Jelasnya, sebelum ini ramai yang salah faham kononnya, tidak boleh merentas negeri atau daerah sepanjang PKP untuk menjual hasil tani.

"Sebenarnya memang boleh, dasar kerajaan sudah menetapkan bahawa industri makanan tidak mempunyai masalah untuk rentas sempadan.

"Caranya, mereka perlulah mendapatkan keizinan daripada Jabatan Pertanian Negeri untuk memasarkan hasil mereka. Itu sahaja," katanya lagi.



GHAZALE

Jalan kerja tanah tanpa kebenaran PBT Tuan tanah dikompaun RM50,000

Faiz Hasan

BUKIT BARU – Gara-gara menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT) seorang pemilik tanah dikompaun RM50,000 selepas melakukan aktiviti itu di Bukit Baru pada 25 Mei lepas.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, kerja-kerja tanpa kebenaran itu dikesan pihaknya setelah melakukan pemantauan di lokasi terbabit.

Menurutnya, tindakan kompaun itu dikeluarkan pihaknya selepas mendapati kerja-kerja untuk memajukan tanah di lokasi itu tiada kebenaran dan telah memanggil pemilik tanah untuk tampil.

Daripada maklumat diperoleh kerja-kerja itu diperlakukan sudah dilanjutkan hampir seminggu lalu, malah ketika pemantauan dilaksanakan mendapati kerja tanah sedang berjalan.

"Daripada keterangan pemiliknya, kerja itu dilakukan



SHADAN (kiri) bersama pemilik tanah (tengah) yang dikompaun ketika meninjau keadaan di lokasi terletak di Bukit Baru pada 25 Mei lepas

"Daripada keterangan pemiliknya, kerja itu dilakukan tanpa kebenaran majlis dan susulan itu kompaun berjumlah RM50,000 dikeluarkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya kepada pemberita.

tanpa kebenaran majlis dan susulan itu kompaun berjumlah RM50,000 dikeluarkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya kepada pemberita.

Dalam pada itu, ujarnya, tindakan terbabit dilaksanakan pihaknya sebagai tindakan awal bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

"Sebenarnya sebelum sebarang kerja tanah dilakukan, kebenaran perlu diperoleh daripada pihak majlis sama ada untuk meratakan atau mengubah struktur tanah.

"Sekiranya lokasinya berada di cerun ia juga boleh menyebabkan berlakunya tanah runtuh sekiranya tindakan tidak dilakukan dengan betul," katanya.

MELAKA HARI INI

NO.TEL: 06 - 251 9315,
06 - 251 9315
FAX: 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@melakaharlini.my

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKRIA
yondalmi@me7@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
mazren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN
LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK
AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
zul.rahimi@melakaharlini.my

PEMASARAN
PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILKANAN
NAQIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL
EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDIRZ
khaldiah@melakaharlini.my

MELAKA TV
KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

175 pekerja positif COVID-19

Kilang proses ayam diarah tutup

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Kilang memproses ayam terbesar di daerah ini di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah, di sini diarah menghentikan operasi mulai 22 Mei hingga 4 Jun.

Ini kerana seramai 175 pekerja syarikat berkenaan, kebanyakannya pekerja asing disahkan positif COVID-19 pada 23 Mei lalu selepas menjalani ujian calitan.

Menjelaskannya, EXCO Kesihatan dan Antida-

“Seramai 175 pekerja syarikat berkenaan, kebanyakannya pekerja asing disahkan positif COVID-19 pada 23 Mei lalu selepas menjalani ujian calitan.”

dah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, setakat ini kumpulan pekerja terbabit belum diberikan istilah kluster tertentu.

“Penelitian sedang dibuat mengenai Pusat Kuaranian dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) yang bakal dijadikan tempat mereka dikuarantin,” katanya di sini, baru-baru ini.

Kerajaan negeri juga berbincang dengan pihak pengurusan syarikat itu kemungkinan untuk memindahkan pekerja terbabit ke rumah pangsa milik Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) berhampiran kawasan perindustrian itu.

Ini kerana asrama pekerja asing sedia ada di rumah kedai berhampiran kilang tidak sesuai dijadikan penginapan pekerja yang terlalu ramai, katanya.

Pada 22 Mei lalu, Melaka catat 175 kes positif baharu, iaitu 65 kes di daerah Alor Gajah manakala Melaka Tengah (75 kes) dan Jasin (35 kes). Daripada jumlah itu, 170 membabitkan kes tempatan, selain kes import (tiga kes) dan banduan OKT (dua kes).

Jumlah kes aktif adalah sebanyak 1,244, termasuk 55 di unit rawatan rapi (ICU) dengan 15 memerlukan bantuan alat pernafasan.



PIHAK Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan notis perintah tutup premis selepas 175 pekerja syarikat berkenaan, kebanyakannya pekerja asing disahkan positif COVID-19 pada 23 Mei lalu selepas menjalani ujian calitan.

Bekalan ayam segar cukup

DUYONG – Peniaga ayam segar di negeri ini memberi jaminan bekalan bahan mentah itu mencukupi walaupun terdapat penutupan semestara sebuah kilang memproses ayam di Masjid Tanah akibat penularan wabak COVID-19 pada 22 Mei lepas.

Peniaga Mohd Zahir Abdul Rahim, 33, ketika ditemui berkata, setakat ini penutupan kilang itu tidak

memberi kesan kepada perniagaannya.

“Buat masa ini tidak memberi kesan kepada saya sebab kita tak ambil bekalan ayam dari sana, sebaliknya memang ada pembekal dari-pada syarikat lain.

“Berniaga Alhamdulillah, cuma terjejas sikit disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini apabila pelanggan berkurang,” katanya yang berniaga di Duyong.

Katanya setiap hari dia membekalkan kira-kira 90 ekor ayam segar buat pelanggannya.

“Setiap hari kita bekalkan dalam 90 ekor ayam segar, tapi hujung minggu dalam 130 hingga 150 ekor ayam segar.

“Saya ambil ayam daripada pembekal tempatan di Sungai Putat dan Semabok, setakat ini harga ayam masih sama dulu RM9.30 sekarang

turun sikit RM9 sekilogram,” katanya sudah 12 tahun berniaga di situ.

Seorang lagi peniaga, Firdaus Bahrin, 42, turut menyatakan perkara yang sama dan tidak mengalami masalah kekurangan bekalan ayam segar.

“Setakat ini bekalan ayam tak terkesan sangat kerana saya ambil dari pembekal di Merlimau jadi tidak terbabit dengan kilang yang dia-



MOHD Zahir

rahkan tutup sementara itu.

“Sekarang harga ayam ada turun sikit berbanding masa kawalan, sebelum ni RM8.50 sekilogram tapi sekarang RM8 saja.

“Bila kita dapat harga murah dari pembekal, jadi kita jual dengan harga yang lebih murah,” katanya.

Firdaus berpesan supaya kilang-kilang pemprosesan ayam menjaga prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat selepas ini.

“Pesanan kepada kilang-kilang proses ayam jagalah SOP, manapun pekerja termasuk warga asing kena buat saringan teliti apatah lagi kes COVID-19 di Melaka pun sudah tinggi,” katanya lagi.

Terdahulu portal atas talian MHI baru-baru ini melaporkan kilang memproses ayam terbesar di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah diarahkan menghentikan operasi mulai 22 Mei hingga 4 Jun.

Ia selepas 175 pekerja jaya rata-rata adalah pekerja asing disahkan positif COVID-19 selepas menjalani ujian calitan.



MOHD Zahir (kanan) menyusun ayam segar di gerainya di Duyong.

Dicekup ketika jual dadah atas jirat

● Suspek mengaku baharu beberapa hari menjadikan jirat Cina di situ sebagai 'port' menjual dadah setelah polis kerap menyerbu port lama mereka di Krubong.

Muhd Rizanizam Hamid

CHENG – Polis menahan dua tokan dadah ketika sedang leka membungkus dadah sebelum menjualnya di atas jirat Cina di Cheng di sini tengah hari 24 Mei lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri, Superintenden Zulkiflee Rashid berkata, tangkapan dibuat oleh sepasukan tujuh pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah.

"Hasil serbuan, polis menahan dua sahabat itu masing-masing berusia 42 dan 40 tahun ketika sedang leka membungkus dadah di atas salah satu jirat Cina di situ untuk dijual kepada penagih di kawasan sekitar.

"Pemeriksaan polis kemu-

dian menjumpai empat paket plastik lutsinar dipercayai dadah jenis heroin yang diletakkan di atas jirat dengan keseluruhan berat 18 gram.

"Berdasarkan soal siasat awal suspek mengaku baharu beberapa hari menjadikan jirat Cina di situ sebagai 'port' menjual dadah setelah polis kerap menyerbu port lama mereka di Krubong," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI) di sini, baru-baru ini.

Menurut Zulkiflee, hasil ujian saringan air kencing terhadap kedua-dua suspek yang tidak bekerja turut didapati positif morfin selain turut mempunyai empat dan dua rekod jenayah lampau berkaitan dadah.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952



ZULKIFLEE

kerana memiliki dadah yang mana membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

"Suspek turut disiasat mengikut Seksyen 15 (1)(a) akta sama kerana positif dadah dan direman selama tujuh hari bermula 25 Mei lepas," katanya.

AYER KEROH – Polis Melaka membuka lima kertas siasatan berkaitan pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 termasuk membabitkan ahli politik dan artis di negeri ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka Asisten Komisioner Mohd Sukri Kaman berkata, lima kesalahan itu adalah antara 18 kertas siasatan dibuka berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan Peraturan-Peraturan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dalam tempoh 1 Januari lalu sehingga kini.

"Siasatan ini dijalankan secara menyeluruh yang melibatkan mana-mana individu termasuk lima kertas siasatan

● Siasatan ini dijalankan secara menyeluruh yang melibatkan mana-mana individu termasuk lima kertas siasatan ke atas golongan selebriti dan juga orang kenamaan (VIP) membabitkan artis dan ahli politik. //

ke atas golongan selebriti dan juga orang kenamaan (VIP) membabitkan artis dan ahli politik.

"Siasatan dilakukan secara menyeluruh tanpa mengira kedudukan dan menolak sama sekali dakwaan yang menyatakan wujudnya 'double standard' dalam penguatkuasaan," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sukri berkata orang ramai diminta terus menyalurkan maklumat berkaitan perlanggaran SOP PKP melalui talian 06-2854156 atau Hotline 06-2851999 atau WhatsApp 012-2244999

"Orang ramai termasuk termasuk golongan kenamaan dinasihatkan sentiasa mematuhi SOP PKP sepanjang masa.

"Kegagalan berbuat demikian akan diambil tindakan di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa," katanya.

Bau busuk rupanya dari mayat datuk saudara

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR – Seorang warga emas yang tinggal berseorangan ditemui mati dipercayai lebih 24 jam di sebuah pangaspuri di Jalan Laksamana Cheng Hoe, di sini, pada malam 22 Mei lepas.

Mayat P Purushotoman, 68, ditemui cucu saudaranya yang hendak menghantar makanan, sebelum menyedari ada bau kurang menyenangkan daripada rumah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad berkata, rasa curiga dan tidak sedap hati anak saudaranya itu membawa kepada penemuan mayat berkenaan di ruang tamu rumahnya.

Menurutnya, berdasarkan keterangan lelaki berusia 41 tahun itu, kali terakhir dia berjumpa datuk saudaranya itu ialah pada 19 Mei lalu

(Rabu).

"Ketika pintu rumah diketuk tiada sebarang jawapan daripada datuk saudaranya, selain lelaki itu juga terhidu bau kurang enak membuatkan dia kemudiannya menghubungi bomba, polis dan pasukan perubatan bagi mendapatkan bantuan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya difahamkan warga emas itu tinggal bersendirian sejak 10 tahun lalu selain menghidap penyakit kencing manis serta darah tinggi.

Ujarnya, hasil pemeriksaan warga emas itu dipercayai sudah meninggal dunia lebih 24 jam berdasarkan keadaan mayatnya ketika ditemui.

"Siasatan turut mendapati tiada sebarang unsur jenayah dan diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

● Hasil pemeriksaan warga emas itu dipercayai sudah meninggal dunia lebih 24 jam berdasarkan keadaan mayatnya ketika ditemui. //



MAYAT warga emas (dalam bulatan) yang ditemui di ruang tamu rumahnya, pada malam 22 Mei lepas. Foto Ihsan Bomba

Sementara itu, jurucakap bomba dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 7.21 malam sebelum sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka Tengah bersama sembilan

anggota bergegas ke lokasi kejadian.

"Kami difahamkan terdapat seorang warga emas di dalam rumah itu dan disebabkan pintu terkunci bomba terpaksa menggunakan alat khas bagi membuka pintu."

"Sebaik pintu berjaya dibuka kami mendapati terdapat seorang lelaki berada dalam keadaan terbaring dan tidak sedarkan diri sebelum dibawa ke Hospital Melaka dan disahkan sudah meninggal dunia," katanya.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)



MUHAMMAD Ikram menyampaikan sumbangan kit makanan kepada ADUN Tanjung Bidara, Datuk Md Rawi Mahmud.

SEBAHAGIAN kit makanan yang disediakan sepanjang tempoh PKP 3.0 ini.

MAIM hulur bantuan PKPD Lubok Redan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MASJID TANAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Musa'adah Bilik Gerakan Agensi Agama Islam Melaka mengambil inisiatif menyerahkan sumbangan kit makanan kepada penduduk Kampung Lubok Redan, Masjid Tanah baru-baru ini.

Sumbangan sebanyak 160 kit makanan yang antara lain merupakan barang makanan asas seperti beras, gula, tepung dan bahan minuman disampaikan bagi meringankan beban penduduk kampung

berkenaan.

Sebagai makluman kampung terbabit telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 16 Mei hingga 29 Mei ini.

Setiausaha MAIM, Muhammad Ibrahim turut meluangkan masa hadir dan menyampaikan sumbangan berkenaan dan dalam waktu yang sama akan memastikan keperluan lain yang dirasakan sesuai mampu disalurkan sepanjang tempoh PKPD berkenaan.

Musa'adah Bilik Gerakan Agensi Agama Islam Melaka telah memainkan peranan yang amat penting

dalam usaha membantu dan menyuruh bantuan yang sewajarnya kepada mereka yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 kali ini.

Pelbagai lapisan masyarakat khususnya umat Islam telah dibantu bagi meringankan beban mereka khususnya melibatkan asnaf sedia ada di negeri ini.

Bilik gerakan ini juga telah dibuka sejak perlaksanaan PKP 3.0 yang bermula 12 Mei lalu sehingga 7 Jun ini dan masyarakat Islam yang terjejas boleh menghubungi talian 06-2837416 / 2849809 bagi mendapat maklumat lanjut.

BILIK GERAKAN COVID-19

AGENSI AGAMA ISLAM MELAKA

Sepanjang tempoh

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
(12 MEI 2021 - 07 JUN 2021)

Bilik Gerakan Covid-19 Agenzi Agama Islam Melaka akan beroperasi seperti ketentuan berikut :

setiap hari (Isnin - Ahad)

PKP

8.30 Pagi - 4.30 Petang

facebook.com/maimmelaka
Majlis Agama Islam Melaka
@maimmelaka

06-283 7416/06-284 9809/
06-283 2077
sambungan : EXT 156

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"

LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



Skim

BANTUAN MAIM



01  Bantuan Makanan Bulanan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	02  Bantuan Saran Anak Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	03  Bantuan Saran Anak IPT Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
04  Bantuan Sakit Kronik Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	05  Bantuan Sakit Terlantar Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	06  Bantuan Skim Simpanan Fakir Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
07  Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	08  Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	09  Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
10  Bantuan Pakaian Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	11  Pekerja Sukarelawan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	12  Bantuan Alat Bantu Pulih Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
13  Bantuan Khairat Kematian Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	14  Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	15  Bantuan Am Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
16  Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	17  Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	18  Bantuan Aidiladha Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
19  Bantuan Skim Simpanan Muallaf Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	*terbuka mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	

Doa untukmu saudara seislam



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

DALAM kemeriahannya umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, seluruh dunia digemparkan dengan isu Palestin diserang oleh tentera Israel. Palestin merupakan sebuah negara berdaulat di Timur Tengah di antara Laut Tengah dan Sungai Jordan, merangkumi Tebing Barat dan Genting Gaza dengan Baitulmuqaddis dirancang sebagai ibu negara.

Keseluruhan wilayah yang ditutupi untuk negara Palestin telah diduduki sejak 1948, oleh Mesir, Jordan dan kemudiannya Israel selepas Perang Enam Hari pada 1967.

Berlakunya konflik yang sedang melanda bumi Palestin ini merupakan isu hak kebebasan yang seharusnya ditangani dengan segera. Konflik Israel dan Palestin merupakan satu pertikaian antara dua kumpulan mengenai tuntutan kawasan wilayah yang sama yang masih berlangsung sehingga ke hari ini. Konflik tersebut bukan sahaja melibatkan isu perebutan tanah, malah turut melibatkan isu kemerdekaan, keadaulatan, keperibadian dan keadilan manusia.

Tentera Zionis Israel bukan sahaja merampas dan menakluki Palestin malahan melancarkan serangan yang ganas dan kejam terhadap mereka. Tindakan kejam rejim Zionis kepada penduduk Palestin yang sedang beribadah pada bulan Ramadan baru-baru ini dan merupakan malam Aidilfitri, membuktikan bahawa sifat kekejaman dan tidak berperikemanusiaan kerajaan Israel. Malahan, tindakan tersebut juga jelas menunjukkan ianya satu jenis jerayah yang salah di sisi undang-undang dan mencabul hak kebebasan warga Palestin untuk beribadah.

Islam amat menuntut umatnya hidup

dalam keadaan aman dan damai serta menghormati sesama sendiri. Serangan dan konflik yang berlaku secara tidak langsung bertujuan untuk memecahbelahkan umat Islam dan menjatuhkan maruah agama Islam. Keseluruhan umat Islam wajib sedar dan bersatu padu serta memainkan peranan penting bagi membantu membebaskan bumi Palestin daripada terus diserang oleh musuh.

Di negara Malaysia, pihak kerajaan memberikan sokongan yang penuh kepada rakyat Palestin dan mengcam sekerasnya ke atas kekejaman pasukan tentera Israel terhadap rakyat Palestin. Pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga tidak putus-putus menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin. Mereka menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan yang bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi membiayai perbelanjaan rakyat Palestin yang terkesan. Pihak pertubuhan ini banyak menghulurkan bantuan dari segi makanan, perubatan, pakaian dan sebagainya bagi meringankan bebanan rakyat Palestin. Diharapkan juga bantuan tersebut dapat memberikan kebahagiaan dan ketenangan kepada mereka semasa menghadapi saat getir ini.

Oleh yang demikian, masyarakat Islam digesa untuk menuaikan solat hajat bagi memohon perlindungan dan pertolongan daripada Allah SWT. Sesungguhnya doa merupakan senjata penting kaum muslimin. Sebagai umat Islam, jangan pernah meremehkan pengaruh doa kita apa lagi jika mendoaan saudara muslim tanpa pengetahuan pihak yang didoakan. Masyarakat Islam digalakkan untuk mengamalkan Doa Qunut Nazilah yang dibaca untuk kita memohon kepada Allah SWT agar memberi pertolongan kepada kaum muslimin di Palestin.

Marilah kita bersama-sama memainkan peranan masing-masing untuk melawan propaganda pihak Israel seboleh mungkin supaya dapat membantu membebaskan bumi Palestin dari penindasan dan kekejaman rejim zionis Israel. Kebenaran dan keadilan pasti akan ter-

bukti.

Ya Allah, muliakanlah Islam dan kaum Muslimin. Ya Allah, tolonglah kaum Muslimin dan Mujahidin di Palestin. Ya Allah, teguhkanlah Iman mereka dan turunkanlah ketenteraman di dalam hati mereka dan satukanlah barisan mereka. Ya Allah, hancurkanlah kaum kafir dan kaum musyrikin. Ya Allah, binasakanlah kaum Yahudi dan pasukan Israel dan ceraikanlah kesatuan mereka. Ya Allah,

menangkanlah kaum Mujahidin atas musuh kami musuh agama dengan RahmatMu, Wahai Yang Maha Pengasih. Dan sampaikanlah Selawat kami kepada Nabi Muhammad SAW.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

SAVE PALESTINE DOAKU UNTUK MU

"Ya Allah Ya Tuhan Kami, tuangkanlah kesabaran atas diri kami, dan kukuhkanlah pendirian kami dan tolonglah kami terhadap orang-orang kafir".

KAMI RAKYAT MALAYSIA
MENDOAKAN KESEJAHTERAAN
UMAT ISLAM DI PALESTINE

Ikhlas Daripada Seluruh
Warga Kerja Zakat Melaka



1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka zakat.melaka zakat.melaka

Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta



PENGOPERASIAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 12 MEI - 7 JUN 2021

Kehadiran ke pejabat adalah pada tahap 20 peratus keseluruhan tidak termasuk perkhidmatan petugas barisan hadapan & 80 peratus secara Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan penggiliran

BDR bukan merupakan cuti rehat
Seluruh warga kerja MAIM perlu bersedia & berada di rumah sepanjang waktu pejabat untuk melaksanakan tugas dari rumah

Perkhidmatan kaunter hanya dibuka kepada perkhidmatan yang tidak ditawarkan secara atas talian & melalui temujanji sahaja

Tidak dibenarkan membuat urusan peribadi dalam waktu pejabat bagi kakitangan BDR seperti
- membawa GRAB
- bermula
- tiada di kediaman; atau
- pergi membeli belah/shopping mall

Mematuhi SOP yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka



Tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran arahan

Arahan : Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN JENAZAH DAN TANAH PERKUBURAN
ORANG ISLAM NEGERI MELAKA SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) NEGERI MELAKA



Garis panduan ini dikeluarkan untuk menjelaskan kaedah pengurusan jenazah dan urusan di tanah perkuburan orang Islam Negeri Melaka.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Pengimaran Masjid dan Surau Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Negeri Melaka.



PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19

#kitajagakita #melakasihat #hentikanwabak #sayangmasjidsuraukitita



WAKTU OPERASI

PERKHIDMATAN KAUNTER KUTIPAN ZAKAT MELAKA

SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

12 MEI 2021 - 07 JUN 2021

Hari	Ibu Pejabat / Cawangan Alor Gajah / Masjid Tanah / Merlimau / Jasin
Isnin - Jumaat	9.00 pg. - 3.00 ptg.

*CUTI UMUM: TUTUP

***Kaunter Kutipan Zakat Melaka UTC,
Pulau Sebang & Kaunter Bergerak (Van)**

DITUTUP SEPANJANG PKP

**Talian Zakat Melaka
1-300-88-0233**

(Pastikan Mengamalkan Langkah
Keselamatan Yang Betul)



Bayaran Zakat boleh melalui
QRCode seperti yang tertera



Sila Imbas
www.izakat.com

1-300-88-0233 www.izakat.com

Zakat Melaka [@zakat.melaka](https://zakat.melaka)

PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM BUKAN KES COVID-19

a) Pengurusan jenazah orang Islam yang melibatkan proses mandi dan kafan boleh dibuat di tempat berikut:

i. **Masjid;**

ii. **Surau;**

iii. **Rumah kediaman** (yang mendapat kebenaran **Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)**)

b) Pengurusan solat jenazah berjemaah hanya boleh dilaksanakan di tempat berikut:

i. **Masjid;**

ii. **Surau**; atau

iii. **Premis yang mendapat kebenaran Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).**

KEHADIRAN AHLI KELUARGA ARWAH DI RUMAH KEDIAMAN BAGI KES BUKAN COVID-19

Kehadiran ahli keluarga di rumah kediaman arwah dibenarkan dengan **tidak melebihi 20 orang** pada satu-satu masa tertakluk kepada keluasan rumah dan memastikan tidak berlaku 3S (Sesak / Sempit / Sembang dekat).

PENGURUSAN MANDI DAN KAFAN JENAZAH ORANG ISLAM DI RUMAH, MASJID DAN SURAU BUKAN KES COVID-19

Urusan mandi dan kafan diuruskan oleh **tidak lebih dari 6 (enam) orang** sahaja yang terdiri dari pegawai masjid/surau dan waris.

PENGURUSAN SOLAT JENAZAH BUKAN KES COVID-19

Setelah selesai proses mandi dan kafan, solat ke atas jenazah boleh dilaksanakan di masjid dan surau dengan kehadiran sebagaimana berikut:

i. **Masjid - Maksimum 20 orang; dan**

ii. **Surau - Maksimum 10 orang.**

PENGURUSAN DI TANAH PERKUBURAN BAGI JENAZAH BUKAN KES COVID-19

Bilangan kehadiran di tanah perkuburan hendaklah **tidak melebihi 20 orang** tidak termasuk petugas dan pegawai masjid/surau.

PENGURUSAN JENAZAH BERKAITAN KES COVID-19 LOKASI YANG DITETAPKAN KKM

a) Pengendalian jenazah Covid-19 hanya dilaksanakan di tempat yang diperakuan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan dilaksanakan oleh kakitangan KKM dan pengurus jenazah Covid-19 yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

b) Selepas proses pengurusan kafan dan tayammum jenazah di tempat yang diperakuan KKM, jenazah terus dibawa ke tanah perkuburan yang ditentukan.

PENGURUSAN JENAZAH BERKAITAN KES COVID-19 DI TANAH PERKUBURAN

a) Waris dan orang awam tidak dibenarkan masuk ke kawasan perkuburan kecuali yang dibenarkan oleh PKD untuk menurunkan jenazah.

b) Pengendalian jenazah di tanah perkuburan hendaklah **tidak lebih dari enam (6) orang** tidak termasuk petugas dari PKD.

NOMBOR UNTUK DIHUBungi : 06-288 2639/013-627 4767/017-649 2070



DIPLOMA

PERMOHONAN KINI DIBUKA

www.kuim.edu.my

#kuimpilihnbijak #kejayaankuimpikanbermuladisini

1. Sistem Maklumat Perniagaan
2. Teknologi Maklumat
3. Kewangan
4. Pemasaran
5. Perakaunan
6. Kejururawatan
7. Kaunseling
8. Komunikasi Massa
9. Undang-undang
10. Perundangan Syariah
11. Pengurusan Perhotelan
12. Pengurusan Pelancongan
13. Bahasa Arab untuk Kerjaya
14. Pendidikan Awal Kanak-kanak
15. Kewangan Syariah
16. Pentadbiran Islam
17. Syariah Islamiyyah
18. Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
19. Usuluddin
20. Pengajian Islam dengan Pengurusan Sumber Manusia

Pejabat Pemasaran dan Akademik KUIM:

06 - 387 8267 / 8420

Noraini Kadri (016 - 690 5052) | Hizamudeen Safwan (014 - 949 2254)
(017 - 329 3562) | (017 - 427 0407)



IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PhD)

PERMOHONAN KINI DIBUKA

www.kuim.edu.my

#kuimpilihnbijak #kejayaankuimpikanbermuladisini

1. Pengurusan
2. Sejarah
3. Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
4. Pengajian Islam (Syariah)
5. Pengajian Islam (Dakwah)

Pejabat Pemasaran dan Akademik KUIM:

06 - 387 8267 / 8420

Noraini Kadri (016 - 690 5052) | Hizamudeen Safwan (014 - 949 2254)
(017 - 329 3562) | (017 - 427 0407)



PERMOHONAN KINI DIBUKA

www.kuim.edu.my

#kuimpilihnbijak #kejayaankuimpikanbermuladisini



KUIM
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

PERMOHONAN KINI DIBUKA

www.kuim.edu.my

#kuimpilihnbijak #kejayaankuimpikanbermuladisini


IJAZAH SARJANA MUDA

1. Perakaunan
2. Perundangan Syariah
3. Psikologi (Kepujian)
4. Sains Kejururawatan (Kepujian)
5. Pengurusan Hospitaliti (Kepujian)
6. Ekopelancongan dan Rekreasi (Kepujian)
7. Perbankan dan Kewangan Islam (Kepujian)
8. Pengurusan Pembangunan Islam (Kepujian)
9. Perbankan Islam dan Takaful (Kepujian)
10. Pentadbiran Perniagaan (E-Dagang) (Kepujian)
11. Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) (Kepujian)
12. Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) (Kepujian)
13. Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan) (Kepujian)
14. Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan) (Kepujian)

Pejabat Pemasaran dan Akademik KUIM:

06 - 387 8267 / 8420

Nordini Kadri (016 - 690 5052) | Hizamudeen Safwan (014 - 949 2254)
(017 - 329 3562) | (017 - 427 0407)



PERMOHONAN KINI DIBUKA

www.kuim.edu.my

#kuimpilihnbijak #kejayaankuimpikanbermuladisini



PERMOHONAN KINI DIBUKA

www.kuim.edu.my

#kuimpilihnbijak #kejayaankuimpikanbermuladisini

IJAZAH SARJANA (MASTER)

1. Pengajian Islam
2. Pengajian Media
3. Kaunseling
4. Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan)
5. Pengajian Islam (Dakwah)
6. Syariah
7. Komunikasi
8. Psikologi
9. Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan

K
K
K
K
P
P
P
P
P

*Mod Pengajian:

P — Penyelidikan
K — Kerja Kursus

Pejabat Pemasaran dan Akademik KUIM:

06 - 387 8267 / 8420

Nordini Kadri (016 - 690 5052) | Hizamudeen Safwan (014 - 949 2254)
(017 - 329 3562) | (017 - 427 0407)





SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

**SAMBUNGAN SOALAN SEJARAH EDISI 45
(19 APRIL 2021 – 25 APRIL 2021)**

- d) Pada pendapat anda, mengapakah sebagai rakyat Malaysia, kita harus memahami pelaksanaan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen ?
-
.....
.....

JAWAPAN BAGI SOALAN OBJEKTIF EDISI 45

1)B 2)D 3)C 4)D 5)C 6)D 7)A 8)C 9)A 10)A

**JAWAPAN BAGI SOALAN SUBJEKTIF EDISI 45
SUDUT KBAT**

SOALAN A

- Sistem Raja Berperlembagaan bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.
- Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri
- Bidang kuasa Yng di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia ialah sebagai Ketua Utama Negara.
- Yang di-Pertuan Agong mengetuai tiga badan kerajaan iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman

SOALAN B

- Raja melindungi rakyat pelbagai kaum
- Mewujudkan keadaan aman dan harmoni
- Raja menjadi symbol perpaduan
- Memindungi hak orang Melayu agar hak keistimewaan orang Melayu terpelihara
- Melindungi agama Islam
- Menjadi ketua agama Islam bagi negeri sendiri dan negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak

(mana-mana jawapan yang munasabah)

SOALAN C

- Menjaga dan mengukuhkan perpaduan antara kaum
 - Menghormati raja dan pemimpin
 - Mematuhi undang-undang
 - Menjunung perlembagaan negara
 - Mengamalkan Rukun Negara
 - Berusaha mengharumkan nama negara
 - Tidak menyertai perhimpunan haram dan rusuhan kaum
- (mana-mana jawapan yang munasabah)

SOALAN D

- Rakyat dapat mengetahui had kebebasan mereka mengikut perlembagaan
- Rakyat tidak akan mempersoalkan kedudukan raja-raja dan hak orang Melayu

- Mengetahui hak dan tanggungjawab untuk memilih kerajaan melalui pilihan raya
- Tidak akan mempersoalkan isu-isu sensitive
- Mengelakkan keamanan dan keharmonian kaum
- Menghormati agama dan budaya kaum lain
- Sanggup berkorban untuk negara
- Memupuk semangat cinta akan negara dan taat setia kepada raja dan negara
- Rakyat akan sentiasa berusaha memelihara kedaulatan negara

(mana-mana jawapan yang munasabah)

**SEJARAH TINGKATAN 5 BAB 2:
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

KERTAS 1

1. Sebelum kedatangan British, negara diperintah berdasarkan pemerintahan
 - A. Beraja
 - B. Diktator
 - C. Bangsawan
 - D. Ketua bebas
2. Apakah tujuan pengenalan undang-undang British di Negeri-Negeri Selat ?
 - A. Melindungi hak penduduk asal
 - B. Memakmurkan ekonomi negeri
 - C. Menghapuskan kuasa bangsawan
 - D. Menjadi panduan pegawai British
3. Apakah perkara yang menjadi terma rujukan dalam penggubalan Perjanjian Persekutuan 1957?
 - A. Kedudukan pegawai British
 - B. Pengenalan undang-undang Barat
 - C. Gabungan Kerajaan Persekutuan dan Negeri
 - D. Hak istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain

- X
- Agama Islam
- Bahasa Melayu

4. Senarai berikut menunjukkan ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan.

Apakah X?

- A. Kewarganegaraan
- B. Konsep Persekutuan
- C. Pemerintahan beraja
- D. Demokrasi Berparlimen

5. Apabila negara kita mencapai kemerdekaan, tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa Orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah diserahkan kepada
 - A. Gabenor
 - B. Menteri Besar
 - C. Perdana Menteri
 - D. Yang Di-Pertuan Agong

6. Mengapa pindaan Perlembagaan 1965 dibuat ?
 - A. Berakhirnya zaman darurat
 - B. Negara mencapai kemerdekaan
 - C. Pembentukan gagasan Malaysia
 - D. Pemisahan Singapura dari Malaysia

PRAKTIS DSKP

1. Berdasarkan kronologi berikut,uraikan pembentukan perlembagaan perlembagaan di negara kita.
 - a) 1877 menjadi titik tolak pembentukan undang-undang negara.
 - b) Pentadbiran British sejak penubuhan Negeri-Negeri Selat.
 - i) Undang-undang di Negeri-Negeri Selat digubal oleh
 - ii) Undang-undang di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digubal oleh
 - iii) Undang-undang di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) digubal oleh
 - c) 1948 Perjanjian sebagai perlembagaan baharu bagi pembentukan sebuah Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.
 - d) Kandungan perlembagaan tersebut merangkumi
 - e) 1957 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu digubal oleh
 - f) Perlembagaan berkuatkuasa

JAWAPAN

1)A 2)A 3)D 4)C 5)D 6)D

PRAKTIS DSKP

- a) Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak
- b) Majlis Undangan Negeri
Majlis Persekutuan
Majlis Negeri
- c) Persekutuan Tanah Melayu
- d) Pembentukan kerajaan pusat, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.
- e) Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/Suruhanjaya Reid
- f) Selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican


IN 2014, after moderating a talk at a heritage and conservation agency in Pulau Pinang, I was asked by the organizer on books pertaining to the state's Malay history and society. I was quickly told that the only Penang Malay known to them was P. Ramlee.

In this sense, the future certainly did not look good for the Malays in Pulau Pinang. Over the decades, a small number of publications on Pulau Pinang Malay history and society have appeared. But the inherent narrative has been subdued by the state's mainstream culture and history. The good news is, P. Ramlee survived that narrative.

P. Ramlee was an ethnographer of Malay life on the silver screen. In his movies, he captured the essence and the psyche of Malay attitudes toward society. It was sarcasm and humour in 'Ali Baba Bujang Lapok' and 'Tiga Abdul'. Through his films, we can see how it reflected ideas on modern politics and nations. His creative imagination resonates contemporary culture, ideals and morals as in *Semerah Padi* (1956) and *Nujum Pak Belalang* (1959).

Born Teuku Zakaria Bin Teuku Nyak Puteh in Pulau Pinang in March 1929, P. Ramlee (Puteh Ramlee) was a story-teller. He retold tales from the pristine Malay past, to modern society. He conjured orality and aurality in new forms and meaning, beyond the courts and the indigenous *penglipur lara*. He brought in the immediate reality and daily imaginings. He played his role in the Malaysianization process of the movies – stories, sounds, aesthetics. He instrumentalized a *hikayat* for the nation.

In a 2019 nation-wide study on Malaysian popular music and social cohesion, found that respondents across the focus groups mutually recognized and has affinity with *Getaran Jiwa* (1960), as compared many other popular and patriotic songs over the decades. Certainly, for many generations, including yours truly *Getaran Jiwa* is consumed experientially in many forms, resonating a collective past and a national space. Certainly through his production and his aesthetics, P. Ramlee moves beyond a movie icon, or the maestro composer and songwriter. He is a



P Ramlee : The *Getaran* of the Modern Malay *Hikayat* Lives on

P. RAMLEE was an ethnographer of Malay life on the silver screen. In his movies, he captured the essence and the psyche of Malay attitudes toward society.

national hero absent in our history books.

The man thrived during the period of Japanese colonialism in Malaya. His schooling was interrupted by the Japanese invasion

ography *Kisah Hidup Seniman Agung: P. Ramlee* (2016).

Abdullah Hussein was intimate with P. Ramlee. The book began earlier as a slim booklet in Jawi titled *Kisah Hidup P. Ramlee*, pub-

ished at Penerbitan P. Ramlee, the publisher of *Gelanggang Filem*. P. Ramlee certainly knows the power of media and branding. Abdullah witnessed P. Ramlee's rise and fall. Abdullah made reference

certainly resonated in P. Ramlee's works.

P. Ramlee articulated politics. Through his cinema, we see representations of Malay society. It was a discourse on the nation in the 1960s. "Natives" of Tanjung in Pulau Pinang would not find difficulty in relating to the man. It was a national narrative, cosmopolitan and vernacular at the same time. And the sounds Anglo-American jazz, Brazilian rhythms fused with Melayu Asli, Langgam and Keroncong. The aurality did not end when he left us.

Some decades back, a columnist in a national newspaper proclaimed that P. Ramlee was a man of the past. His world is the *sandiwara* (a play on a stage). On 29 Mei 1973, he moved to another world. Recalling a line from one of this films, "Bila aku sudah tiada nanti, aku akan hidup seribu tahun lagi" (when I am no more, I will continue to live for a thousand years). Al-Fatihah.

**NEXT WEEK:
*Asmara, Nun, Kenchana***

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

// He retold tales from the pristine Malay past, to modern society. He conjured orality and aurality in new forms and meaning, beyond the courts and the indigenous penglipur lara. He brought in the immediate reality and daily imaginings. //

leading him to work at the Eastern Smelting plant at the Dato' Keramat area, his father's place of work. While at the plant, he learnt the Japanese language.

He then enrolled himself at the Nan Shio Koin Japanese School. There he and his good friend, Sukardi became exemplary students so much so that they were selected to join the Japanese Maritime College (Kaigun). P Ramlee had a penchant for drawing. But it during the Japanese period that he was exposed to music and musical instruments. Later after the war, P. Ramlee studied music under one Encik Kamaruddin.

His Azizah, together with *Bai-dah, Abang Dollah, Mee Jawa, and Joget Malaya* and *Di Padang Kota* were later aired through Radio Mala-yia Pulau Pinang accompanied by Orkes Teruna Sekampung. This was told by his friend, the Sasterawan Negara Abdullah Hussein in the bi-

lished by Ahmad Latif in Pulau Pinang. In his *Sekadar Salam* Abdullah did not give the year of its publication. It was later published in Rumi under the title *Gagak di Rimba*. Both works were read by P. Ramlee himself. These were based on Abdullah serials published in *Gelanggang Filem* under the title 'P. Ramlee yang Kukenal.' Abdullah described his serial as the only writing on a 'bintang filem tempatan' (local film star) in a film magazine at that time.

Abdullah related that it was not easy to have an interview with P. Ramlee on his life and work. Over the years, he documented and accumulated whatever he can gather from P. Ramlee himself, "answers that we never asked," quipped Abdullah. He also noted subtle expressions from the man; and certainly from those close to him.

According to Abdullah, this was between 1951 to 1961, when he

to work toward developing an entity called Malaysia Film Industries (MFI) – the collaboration between P. Ramlee and H.M. Shah, one of the driving forces behind the business side of Utusan Melayu in the 1950s. Also with them were Jins Shamsuddin, Jaafar Abdullah, and Abdullah himself. MFI almost disappeared without a trace (hampir hilang tanpa kubur). According to Abdullah, it was replaced by PER-FIMA.

His *hikayat* films narrated Malay identity and society. It has been argued that 'Seniman Bujang Lapok' coincided with the reawakening of the Malays. It should be seen that P. Ramlee lived during the time of Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50), with their mission of arts and literature for society; propagating societal awareness, and the spirit of the bangsa under conditions of impending freedom and decolonization. These conditions

Penutupan penuh perlu

Jangka satu lagi pusingan rangsangan ekonomi - Ahli ekonomi

KUALA LUMPUR - Ahli ekonomi berpendapat penutupan penuh atau total lockdown sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun yang diumumkan Pejabat Perdana Menteri adalah langkah sewajarnya untuk menangani lonjakan kes COVID-19.

Sehubungan itu, mereka berpandangan satu lagi pusingan rangsangan ekonomi amat dijangka untuk dilaksanakan, namun secara bersasar dan mengikut tempoh tertentu.

"Dengan mengambil kira kes baru yang lebih tinggi dan bagaimana ia mungkin memberi kesan kepada kapasiti penjagaan kesihatan kita, wujud keperluan mendesak untuk memutuskan rantaian jangkitan itu secepat mungkin," kata Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid kepada Bernama.

Mengenai sekatan selanjutnya

terhadap aktiviti ekonomi di samping ketidaktentuan separang tempoh penutupan penuh itu, beliau berkata pemulihan ekonomi dijangkakan rendah.



MOHD Afzanizam

Bagaimanapun, beliau berkata peningkatan terhadap permintaan global diyakini akan terus menyokong sektor ekonomi utama seperti pembuatan, manakala industri perkhidmatan dijangkakan menjadi amat terbatas.

"Memandangkan sektor perkhidmatan menyumbang lebih 50 peratus daripada ekonomi, keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia mungkin tidak berkembang pesat akibat prosedur operasi standard yang tegas dan pergerakan orang ramai yang terhad," katanya.

Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff dari Putra Business School berkata, wujud kebimbangan serta merta kepada individu dan peniaga mengenai impak negatif seperti yang berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

"Memandangkan PKP sepenuhnya ini akan diteruskan secara berperingkat yang mungkin berlaku kira-kira enam minggu, ia akan mem-

berikan impak negatif kepada ekonomi seperti yang berlaku pada suku kedua 2020 apabila kita mengalami penguncian KDNK -17.1 peratus.

"Perkara yang sama akan berlaku terutamanya bagi pertumbuhan suku kedua tahun ini. Sehubungan itu, kerajaan mesti melaksanakan satu lagi pelan bantuan fiskal untuk membantu kumpulan yang terjejas," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Juwai IQI Global, Shan Saeed berkata ia pastinya satu keputusan yang sukar untuk dilaksanakan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Secara jelas, beliau berkata ekonomi menerima tekanan dalam jangka pendek, namun, sebaik sahaja sekatan pergerakan itu tamat, momentum itu boleh dibina semula pada peringkat makro.

"Ini merupakan tukar ganti di antara epidemiologi dan ekonomi. Semua pihak berkepentingan perlu bekerjasama erat untuk memerangi

sepangjang tempoh penutupan penuh itu, semua sektor tidak dibenarkan untuk beroperasi kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu yang akan disenaraikan Majlis Keselamatan Negara.

gelombang baharu COVID-19.

"Mendapatkan vaksin adalah satu-satunya penyelesaian untuk mengembalikan semula ekonomi kepada tahap sebelum pandemik COVID-19," katanya.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan pada 28 Mei lepas berkata, separang tempoh penutupan penuh itu, semua sektor tidak dibenarkan untuk beroperasi kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu yang akan disenaraikan Majlis Keselamatan Negara.

Menurut kenyataan itu, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira situasi terkini penularan COVID-19 di Malaysia dengan jumlah kes harian telah melebihi 8,000 kes dan kes aktif melebihi 70,000 kes. - BERNAMA

Taman Seri Mangga Sek - 1



RUMAH TERES SETINGKAT

22' x 70'

(4 bilik tidur, 2 bilik air)

HARGA JUALAN
Min RM336,400.00
(bermula dari)



GROUND FLOOR PLAN CORNER LOT



Tiong Yuen Development Sdn Bhd
No. 37-Grd Flr, Jalan Kesidang 3/11,
Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak,
75300 Melaka.



No. Telefon
06-3371389 (Pejabat)
011-35042516 (TINI)
012-2196788 (Peggy Lim)

中原發展有限公司

TIONG YUEN DEVELOPMENT SDN. BHD.

(Co. No: 149322-W)

No. 37, Jalan Kesidang 3/11, Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka
Tel: 06-337 1389 Fax: 06-337 3855
Email Address: tydevelopment@yahoo.com



DR. SHANKAR GUNARASA



SIMPTOM muntah berdarah jika berlaku boleh memudaratkan seseorang pesakit itu. Ianya adalah satu kecemasan medikal dan boleh membawa maut sekiranya tidak di rawat dengan cepat.

Muntah berdarah ini di ambil dari istilah perubatan hematemesis. Ianya berpunca dari pendarahan di saluran oesophagus, perut dan usus kecil. Dari segi perubatan juga muntah berdarah ini terdiri dari dua jenis iaitu "variceal" dan "none variceal bleed".

Muntah "variceal" ini adalah berwarna merah cerah dan pesakit boleh berdarah dengan teruk dan mengancam nyawa pesakit. Lazimnya darah ini berpunca dari saluran darah yang berbengkak di saluran oesophagus yang di sebabkan oleh "portal hypertension" atau kerosakan di hati seperti hati cirrhosis.

Muntah "none variceal" ini adalah berwarna merah gelap atau hitam dan di sebabkan oleh pendarahan yang lama dan perlakan. Ianya berpunca dari ulcer di perut dan juga di usus kecil. Pendarahan seperti ini tidaklah memudaratkan berbanding dengan muntah "variceal", namun tetap terpaksa juga di rawat secara awal.

Apakah punca muntah berdarah ini ? Terdapat banyak punca yang menyebabkan muntah berdarah berlaku.

Punca muntah darah yang tidak berbahaya

- Pendarahan di hidung
- Muntah yang kerap hingga menyebabkan luka pada bahagian oesophagus yang di panggil dari segi perubatan "Mallory Weis tear"
- Irritasi pada oesophagus disebabkan masalah gastrik atau refluks acid di sebabkan oleh kelonggaran di penghujung oesophagus
- Pendarahan daripada mulut disebabkan trauma ataupun gigi berdarah

Punca muntah darah yang selalu berlaku adalah:

- Ulser di perut disebabkan masalah gastrik
- Kesan sampingan ubat tahan sakit (Jenis NSAIDs)
- Masalah gastrik yang kronik
- Trauma di perut di sebabkan kemalangan
- Namun ada juga punca yang lebih serius yang menyebabkan pendarahan ini seperti
- Kegagalan hati seperti cirrhosis hati
- Kanser oesophagus
- Kanser pankreas
- Kanser perut

Sukar untuk mengetahui apakah tanda-tanda awal untuk pesakit muntah darah ini tetapi antara simptom awalnya ialah rasa loya dan berasa sakit dan tidak keselesaan di perut. Tetapi sekiranya pesakit itu muntah darah yang amat banyak, tanda-tanda berikut akan di alami oleh pesakit iaitu

- Mata menjadi kabur
- Pening kepala kerana tekanan darah yang kurang
- Berdebar-debar
- Sesak nafas
- Kulit menjadi sejuk, iaitu salah satu simptom "shock"
- Muka pucat kerana kekurangan darah
- Pengsan boleh berlaku bila tekanan darah terlalu rendah

Rawatan awal untuk pesakit pesakit ini bergantung kepada status keseluruhan pesakit semasa rawatan. Sekiranya ada simptom "shock" disebabkan kekurangan darah maka kantung darah terpaksa di berikan kepada pesakit untuk menstabilkan tekanan darah. Selepas itu punca pendarahan akan di pastikan, selain daripada ujian darah di lakukan.

Selanjutnya diagnosis untuk muntah darah ini di pastikan dengan prosedur endoskopi iaitu oesophago-gastro duodenoscopy (OGDS).

Dalam prosedur ini, tube fiberoptik berhujung kamera di masukkan ke dalam mulut untuk melihat keadaan dinding oesophagus dan perut. Jika pendarahan sedang berlaku, terdapat beberapa prosedur yang akan dilakukan oleh doktor untuk memberhentikan



pendarahan terebut, antaranya "thermal diathermy" untuk membakar tempat pendarahan, "klip" di gunakan untuk mematikan saluran darah yang berdarah atau suntikan adrenaline di lapisan mukosa perut. Prosedur yang di pilih bergantung kepada kepakaran dan pengalaman doktor tersebut.

Sekiranya punca pendarahan di oesophagus seperti "variceal bleed", banding oesophagus atau glue histoacryl akan di lakukan


kepada saluran darah tersebut. Di Pantai Hospital Ayer Keroh saya sentiasa menjalankan semua prosedur tersebut dan sering kali menggunakan sekiranya ada pendarahan yang teruk.

Setelah pendarahan berhenti, barulah rawatan yang lebih spesifik kepada punca muntah darah tersebut dilakukan. Antara yang akan di lakukan sebagai contohnya

- Masalah gastrik disebabkan jangkitan bakteria H pylori: Rawat antibiotik H.pylori akan di jalankan untuk 2 minggu
- Masalah gastrik disebabkan ubat tahan sakit: Berhentikan ubat tahan sakit tersebut ataupun gantikan ia dengan ubat tahan sakit yang tidak menyebabkan masalah gastrik. Pesakit juga perlu mengambil ubat untuk mengurangkan keasidan perut
- Kanser oesophagus, perut ataupun pankreas: Pembedahan perlu dibuat untuk membuang kanser tersebut untuk mengelakkan pendarahan berlaku lagi
- Esophageal varices: Rawatan dan ujian darah untuk hati di lakukan secara lazimnya. Pesakit juga akan di beri ubatan propanolol untuk mengurangkan tekanan di hati yang sekaligus mengurangkan bengkak di saluran darah di oesophagus.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bagaimana untuk mengelakkan daripada muntah berdarah, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolo-rektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau nombor whatsapp klinik +6014 3639705

Ulser perut



Misteri lokasi sebenar Masjid Agong

SEBELUM ini kecoh di setiap ceruk laman sosial media mengenai isu lokasi Masjid Agong pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka rentetan isu tersebut dikupas dalam episod sebuah rancangan dokumentari popular baru-baru ini.

Malah kewujudan Masjid Agong turut diakui Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) Mohd Nasruddin Rahman yang menyatakan tapak masjid itu terletak di sekitar Bulatan Kancil berhadapan Bangunan Stadthuys dan bukannya di pintu gerbang Kota A'Famosa.

Jika diamati pendapat 'netizen', ramai yang keliru dengan kawasan Kota A'Famosa itu sendiri yang mana ramai yang menganggap pintu gerbang A'Famosa adalah lokasi masjid itu, sedangkan kawasan kota tersebut adalah luas.

Menurut Mohd Nasruddin, A'Famosa bermula dengan kota kecil digelar '*Fortaleza de Malacca*' yang dibina Portugis sebagai benteng pertahanan untuk menangkis serangan pelbagai pihak termasuk Sultan Mahmud Shah bagi mendapatkan kembali Melaka dari tangan Portugis.

"Untuk mengukuhkan kedudukan mereka, Portugis mula membesarkan kota tersebut lalu digelar A'Famosa. Jadi,

mengatakan Masjid Agong terletak di bawah kota A'Famosa adalah betul.


Cuma apa yang salah adalah persepsi masyarakat mengenai istilah A'Famosa yang sebenarnya," katanya mengulas mengenai sebuah dokumentari yang mendakwa terdapat masjid di bawah A'Famosa.

Nasruddin menjelaskan, memang ada dalam catatan sumber Portugis dan sejarah Melayu yang mana ia diruntuhkan dan dibakar oleh penjajah Portugis ketika menakluk Melaka pada 1511.

"Ia wujud di sekitar situ dan kerana itulah kita bina Surau Warisan, sebagai simbolik adanya sebuah masjid di kawasan tersebut. Malahan memang ada binaan di bawah bangunan Stadthuys dan ia wujud sebelum bangunan itu dibina lagi. Cuma kita tak pasti apa. Takkun kita nak roboh Stadthuys pula kan?," katanya.

Katanya kota A'Famosa sebenarnya dibina di atas runtuhan Kota Melaka dengan menggunakan bahan sekitar termasuk runtuhan binaan masjid, istana dan pelbagai lagi.

"Kota (Melaka) ini besar dan ia memuatkan istana utama, istana permaisuri, kubu pertahanan dan penempatan rakyat jelata yang berkeluasan dianggarkan tiga kilometer, jadi pelbagai binaan dalam kota ini yang digunakan Portugis untuk membina kota A'Famosa," katanya.



MOHD Nasruddin menyatakan dipercayai tapak Masjid Agong terletak di sekitar Bulatan Kancil berhadapan Bangunan Stadthuys. Foto MR Azli



PINTU gerbang Kota A' Famosa bukan lokasi sebenar Masjid Agong pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Gambar Fail

Pilihan yang fleksibel

OUM
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

Semua Boleh Belajar

Ambilan Mei 2021 Kini Dibuka

- > Program diakreditasi oleh MQA
- > Gunakan pengalaman kerja untuk kemasukan melalui APEL
- > Belajar dalam talian tanpa meninggalkan keluarga dan kerjaya
- > Pembiayaan mudah dengan pinjaman PTPTN, pengeluaran KWSP dan HRDF
- > Diskaun 10% setiap semester
- > Diskaun 15% setiap semester khas buat alumni. Pasangan, anak dan adik-beradik layak memohon.
- Tertakluk terma dan syarat

* Program dijalankan secara dalam talian.
Tertakluk terma dan syarat.

HARI Terbuka

26-28 MAC 2021 23-25 APR 2021 28-30 MEI 2021

Ganjaran rebat sehingga RM400 untuk tempoh yang terhad. Jangan lepaskan peluang ini!

Biasiswa RM1Juta
Diploma dan Sarjana Muda

Daftar dalam Talian Sekarang
oum.edu.my

PUSAT PEMBELAJARAN MELAKA

06-2921852

019-2181851

019-2663628

OUM Melaka **oummelaka**

UMNO Masjid Tanah anjur bacaan Yasin, tahlil secara maya

AYER KEROH – Usaha dan berdoa kepada Allah SWT perlu seiring bagi memohon keberkatan dalam usaha memerangi pandemik COVID-19 di negara ini.

Menyedari hal itu, UMNO Bahagian Masjid Tanah tampil mengajurkan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil serta Doa Selamat dalam norma baharu iaitu secara maya berikutan larangan perkumpulan beramai-ramai sepanjang PKP 3.0, baru-baru ini.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Masjid Tanah Abd Hakim Abd Wahid berkata, seramai 100 peserta menyertai majlis itu termasuk seluruh kepimpinan UMNO Bahagian Masjid Tanah dengan menitipkan doa untuk penduduk Masjid Tanah, negeri Melaka dan Malaysia amnya.

"Majlis julung kali diadakan secara maya ini mendapat sambutan amat menggalakkan dan kita membuka dua saluran aplikasi Google Meet untuk peserta."

"Majlis bacaan Yasin yang diadakan di kediaman masing-masing bermula jam 7.45 malam pada 27 Mei lalu dan dipimpin Ustaz Moha-

mad Azmi Sabtu.


"Antara VIP yang turut serta termasuk Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Melaka merangkap Ketua UMNO Bahagian Masjid Tanah, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh," katanya.

Abd Hakim berkata, dalam majlis itu mereka turut menitipkan doa buat pemimpin UMNO yang telah tiada, uzur mahupun yang sihat agar terus diberkati dan diper mudahkan segala urusan dunia mahupun akhirat.


Sementara itu, itu Ab Rauf menerusi catatan di laman Facebooknya melahirkan kesyukuran majlis berkenaan berjalan lancar.

"Terima kasih kepada semua peringkat kepimpinan UMNO, Wanita, Pemuda serta Puteri Bahagian Masjid Tanah yang dapat sama-sama mengadakan majlis ini yang dijalankan secara norma baharu secara maya.

"Marilah kita bersama-sama berdoa agar wabak bahaya COVID-19 ini diangkat dan dibawa pergi jauh oleh yang Maha Esa," katanya.



MAJLIS bacaan Yasin, tahlil serta doa selamat diadakan secara maya oleh UMNO Bahagian Masjid Tanah, baru-baru ini.



MOHD Muaz (kanan) dan Yaakob membersihkan kolong tali air sawah daripada pelbagai bahan yang menghalang aliran air di Kampung Paya Luboh, Tanjung Kling, baru-baru ini.

Berkorban bersihkan tali air elak banjir

Din Ahmad

PANTAI KUNDOR – Lima petugas Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPE-RUN) Pantai Kundor, di sini sanggup 'berendam' dalam tali air untuk membersihkan kotoran yang menyekat laluan air ke sawah.

Mereka tidak mau menunggu kontraktor Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) hadir untuk membersihkan kayu, rumput dan pelbagai kotoran lain yang menyekat laluan air di 60 hektar sawah Kampung Paya Luboh, Tanjung Kling di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hassan berkata, JAPERUN menerima aduan penduduk, terutama pesawah bahawa tali air berkenaan tidak dapat berfungsi secara sempurna.

"Kami segera ke lokasi berkenaan dan mendapati air tidak mampu mengalir secara sempurna akibat dipenuhi dengan kayu dan pelbagai objek lain.

"Kami membuat aduan ke-



NOR Azman

pada JPS tetapi ia perlu mengambil masa untuk jabatan itu mengupah kontraktor memberihkan tali air sedangkan pesawah semakin bimbang sawah mereka dilanda banjir lagi akibat air tidak dapat mengalir sempurna," katanya di sini baru-baru ini.

Nor Azman berkata, petugas JAPERUN terbabit sanggup 'berkorban' turun ke tali air bagi membersihkan kayu dan pelbagai objek lain yang tersekat di kolong di situ dan mengambil masa

kira-kira setengah jam untuk mengalihkan semua bahan itu.

Petugas, Mohd Muaz Baharuddin, 33, berkata, tugas mengalihkan bahan tersebut itu bukan tugas hakiki dia dan rakan-rakan tetapi tindakan itu diam-bil berdasarkan kepentingan pesawah.

"Air tidak berapa dalam, sekadar kira-kira 1.2 meter tetapi sebaik sahaja kayu besar berjaya dialihkan, air mula mengalir deras," katanya.

Yaakob Eret, 55, berkata sekatan pada laluan air itu tidak seharusnya dibiarkan lebih lama lagi kerana hujan lebat hampir setiap hari menyebabkan aliran air di sawah perlu dipastikan sentiasa dalam keadaan baik.

"Banjir yang melanda sawah minggu lalu menyebabkan 20 pesawah kerugian kira-kira RM150,000 selepas sawah se luas kira-kira 60 hektar musnah," katanya.

Katanya, bergelumang dengan kotoran seumpama itu tidak menjadi masalah kepadanya dan rakan asalkan pesawah tidak menanggung kerugian berterusan.

Angkara kilang ayam

2,000 penduduk merana diserang lalat dan bau busuk

MERLIMAU - Busuk dan meloyakan. Itu situasi yang terpaksa ditanggung kira-kira 2,000 penduduk di sekitar Kampung Ayer Merbau, Kampung Kongsai dan Lipat Kang, di sini yang terpaksa hidup dalam pencemaran bau seakan-akan bangkai, selain diserang ribuan lalat setiap hari.

Situasi itu mula dikesan sekitar penghujung Ramadan lalu dan masih berlarutan hingga ke hari ini menyebabkan ramai yang terpaksa hidup dalam situasi seperti di tapak pelupusan sampah.

Pengerusi Jawatankuasa

Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Ayer Merbau, Zakaria Ab Hamid, 58 berkata, aduan demikian aduan yang diterima membuatkan dia dan penduduk kampung cuba mencari jawapan di sebalik bau misteri itu.

Jelasnya, selepas melakukan beberapa siri intipan, akhirnya mereka menemui jawapan yang mana bau dan serangan lalat itu datang dari sebuah ladang sawit yang dipercayai dijadikan tempat membuang sisa ayam oleh sebuah kilang pemprosesan ayam terbesar di negeri ini.

"Ini bukan kali pertama berlaku seperti ini, sekitar empat atau lima tahun lalu mereka juga pernah membuang bahan ayam hingga menyebabkan berlakunya serangan lalat di kampung sekitar."

"Sejak beberapa minggu lalu, setiap hari kami penduduk di sini terpaksa menghidu bau busuk, dan keadaan benar-benar tidak selesa ditambah pula masalah lalat yang terlalu banyak berpunca dari pembuangan sisa ayam itu."

"Sepatutnya mereka (kilang) lebih peka, kerana kawasan ini berdekatan penem-

patan penduduk dan terdapat sekolah-sekolah, sudah pasti kita kecua dan harap tindakan penyelesaian dapat diam-bil segera," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Datuk Roslan Ahmad dalam lawatannya ke lokasi pembuangan sisa itu berkata, pihaknya memandang serius kesalahan yang dilakukan kilang ayam yang tidak cakna dengan persekitaran sekelling sehingga memberi kesan kepada penduduk.

Perkara itu, ujarnya, tidak akan berlaku sekiranya kilang

berkenaan menggunakan kaedah pelupusan sisa binatang ternakan yang betul, sebaliknya mereka memilih jalan pintas dengan menggali lubang di tanah milik anak syarikat mereka dan membuang anggaran 10 tan sisa tersebut tanpa ditimbus.

Justeru, tindakan tegas akan diambil termasuk membawa isu berkenaan ke pentadbiran Jabatan Veterinar bagi tindakan susulan, selain Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) juga telah mengeluarkan dua kompaun di bawah Akta 171 Seksyen 80 Kacau Ganggu bernilai RM1,000 setiap satu.

"Selain itu, kita juga meminta pihak kilang membayar ganti rugi kepada penduduk yang mengalami trauma iaitu dalam bentuk ubat atau wang bagi pencegahan lalat dan sebagainya."

"Kita juga meminta semua lubang yang ada kawasan ini ditutup sepenuhnya dan perlu disembur pembasmi bau atau Effective Microorganisme (EM) dengan kadar segera."

"Sekiranya pihak kilang tidak memberi kerjasama kita akan membawa perkara ini ke peringkat lebih tinggi," kata-nya.



IZZ Rizqy menghidup penyakit hidrosefalus pada usia sebulan.

'Moga ada sinar buat adik Izz Rizqy'

Liana Sahabudin

ALAI - Ibu bapa mana yang tidak sedih apabila anak comel yang dilahirkan dalam keadaan normal kini terlantar apabila disahkan menghidup penyakit yang boleh membawa maut.

Anak mereka Muhammad Izz Rizqy Nor Muhammad yang baru berusia lapan bulan disahkan menghidup 'hidrosefalus' penyakit penumpuan cairan di rongga otak sehingga meningkatkan tekanan pada otak dan pembengkakan di kepala selepas sebulan dilahirkan.

Ibunya Nurizza Syamiera Osain, 23, berkata, anaknya itu lahir seperti kanak-kanak yang lain walaupun hanya dengan berat 900 gram pada usia kandungan 27 minggu pada 2018.

"Izz lahir tak cukup bulan tapi saya bersalin normal dan masa

lahir tiada masalah. Sebulan dalam 'nursery' baru doktor dapat kesan, kena buat CT Scan dan selepas itu baru nampak ada selaput putih dekat otak bahagian depan yang menyatakan dia (Izz) tidak normal.

"Ada cecair sikit dalam kepala sebelum doktor rujuk dengan Hospital Kuala Lumpur (HKL). Selepas itu baru barulah HKL suruh buat pembedahan masukkan tiub (di-panggil shunt) sebab air dalam otak sudah terlampaui banyak.

"Doktor ada beritahu mungkin sebab anak lahir pramatang maka dia alami sakit ini," katanya ketika ditemui MHI di rumahnya di Taman Alai Perdana, baru-baru ini.

Nurizza Syamiera berkata, dia dan suami Nor Muhammad Khalil, 24, terkejut terima berita itu namun reda dengan ketentuan Iiali.

Menurutnya, anaknya sudah

dua kali menjalani pembedahan untuk memasukan tiub di kepala sehingga atas pusat.

"Pembedahan pertama pada Januari lalu dan kedua awal bulan lalu. Mungkin akan ada lagi pembedahan selepas ini dan doktor akan lihat dulu tiub ini sesuai atau tidak dengan Izz."

"Kalau tidak sesuai dan tiub bocor baru kena buat pembedahan lain yang memerlukan kos sekira RM50,000."

"Dua pembedahan sebelum ini percuma, tapi pembedahan ketiga ini ada risiko seperti jangkitan kuman dan lain-lain," katanya yang turut mempunyai seorang lagi anak lelaki berusia tiga tahun.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menghubungi Nurizza Syamiera di talian 018-323 8550 atau akaun Maybank: 154080172894.

UTeM hulur bantuan kepada mangsa banjir di Melaka

AYER KEROH - Prihatin dengan nasib menimpa mangsa banjir di Melaka, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) baru-baru ini tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa terlibat.

Penolong Naib Canselor, Jaringan Industri dan Masyarakat UTeM, Prof Madya Ir Dr Md Nazri Othman berkata, antara objektif program adalah untuk meringankan beban ditanggung mangsa yang ada diantaranya turut melibatkan staf dan pelajar UTeM selain komuniti setempat.

Jelasnya, majlis dianjurkan Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dengan kerjasama Alumni UTeM, Pejabat Pendaftar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka pada 17 hingga 21 Mei 2021 lalu.

"Ia disampaikan kepada hampir 100 keluarga yang terlibat yang mana mereka menerima sumbangan berupa barang keperluan makanan dan perkakasan pembersihan.



SEBAHAGIAN daripada warga Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM sedang giat bergotong royong menyiapkan barang untuk disampaikan kepada mangsa banjir.

Perak FC mungkin guna pemain pasukan 'feeder'

PENGENDALI Perak FC Chong Yee Fatt berkemungkinan akan menggunakan sebahagian besar pemain pasukan Perak II bagi mengisi kekosongan ditinggalkan oleh beberapa tonggak utama Perak FC yang berhijrah ke pasukan lain dalam menghangungi baki pusingan kedua saingan Liga Super.

Beliau berkata ini kerana pendekatan itu sahaja yang dilihat berpotensi mengimbangi pasukan walaupun ada usaha daripada pihak pengurusan untuk memancing beberapa pemain luar.

"Bukan senang sekarang

ini kita nak isi kekosongan yang ditinggalkan oleh pemain utama dengan pemain tempatan daripada kelab lain. Dengan keadaan kita, mereka pun was-was nak datang. Mahu atau tidak, kita kena guna juga pemain daripada Perak II."

"Pemain Perak II ini juga kita akan gabungkan dengan beberapa pemain senior yang mungkin akan terus kekal dengan Perak FC untuk baki saingan liga ini," katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

Sebelum ini, beberapa tonggak utama skuad The Bos Gaurus seperti penyerang

Guilherme De Paula, kapten pasukan Shahrul Saad, Kenny Pallraj, J. Parthiban serta Nazirul Naim mengambil keputusan berhijrah ke pasukan lain selepas jendela perpindahan kedua Liga Malaysia (Liga M) dibuka sejak 3 Mei lalu.

Penghijrahan itu dibuat selepas pengurusan Perak FC

dilaporkan gagal menyelesaikan tunggakan gaji pemain-pemain berkenaan.

Selain itu, Yee Fatt berkata, beliau mengakui dengan penghijrahan beramai-ramai pemain utama itu sedikit sebanyak akan menyukarkan misi pasukan untuk kekal bersaing dalam Liga Super.

"Susah memang susah. Tengok daripada pelan perancangan kita pun semua orang dapat menilai. Cuma apa yang boleh dibuat untuk ketika ini, kita kena positif kerana liga belum tamat. Ada lagi masa, ada lagi perlawan, jadi kita kena cuba untuk kekal," katanya.

Mengulas mengenai pemain import, katanya, setakat ini Nana Poku, Leandro Dos Santos serta Raianderson masih kekal bersama Perak dan berkemungkinan akan ada tonggak import baharu ditandatangani untuk mengisi kekosongan ditinggalkan De



YEE FATT

Paula.

"Bagaimanapun ia masih dalam cadangan (import baharu). Cuma, kalau berhasil, ia satu perkembangan positif pada kita untuk menambah kekuatan di bahagian serangan," katanya.

Perak FC kini menduduki tangga ke-10 dalam carta kedudukan liga dengan mengumpul 12 mata selepas 13 perlawanan. - BERNAMA

Jangan berpuas hati dengan kejayaan - Choong Han



BEREGU wanita kebangsaan, Low Yeen Yuan-Valeree Siew memenangi acara beregu pada Kejohanan Badminton Antarabangsa Slovenia 2021 di Dras Centre, Maribor, Slovenia pada 22 Mei lepas. Foto Ihsan FB BAM

WALAUPUN mempamerkan aksi mengagumkan dengan menggondol dua gelaran pada Kejohanan Badminton Antarabangsa Slovenia 2021 pada 22 Mei lepas, masih ada banyak ruang untuk meningkatkan prestasi pemain muda Malaysia.

Pengarah Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Wong Choong Hann berkata pemain muda ini tidak boleh sekadar berpuas hati dengan kejayaan yang dilakar pada kejohanan badminton di Dras Centre, Maribor.

Bagaimanapun, Choong Hann berkata kredit harus diberikan kepada mereka kerana berjaya mengotakjanji dengan membawa pulang gelaran di Slovenia.

"Saya lebih berpuas hati dengan semangat mereka yang membuktikan mereka boleh mencapai kejayaan dalam kejohanan itu."

"Saya percaya dengan kualiti yang dimiliki semasa latihan dan ada daripada mereka yang membuktikan bahawa mereka boleh meraih kejayaan dalam kejohanan itu."

kan bahawa mereka boleh meraih kejayaan dalam kejohanan itu," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beregu campuran Choong Hon Jian-Toh Ee Wei, kedua-duanya berusia 20 tahun, meraih gelaran pertama dalam kejohanan itu apabila menewaskan pasangan Indonesia Mu Erwiansyah-Sofy Asharunnisa 21-18, 21-18 dalam pertarungan selama 32 minit.

Ia adalah kejayaan antarabangsa kedua bagi pasangan yang menghuni ranking ke-263 dunia itu setelah memenangi Terbuka Poland dalam penampilan sulung mereka, Mac lepas.

Low Yeen Yuan-Valeree Siew melakar kejayaan berganda buat Malaysia apabila berjaya merangkul kejayaan beregu wanita.

Pasangan bukan pilihan berusia 19 tahun itu, berjaya mengejutkan pemain pilihan ketiga yang merupakan ranking dunia ke-133, Isabella Nielsen-Marie Steffensen dari Den-

mark 21-11, 21-15 untuk mengicap kejayaan antarabangsa pertama mereka.

Selain dua kejayaan itu, pemain muda lain turut mempamerkan aksi membanggakan untuk merangkul kejayaan pada masa hadapan walaupun gagal melayakkan diri ke final.

Pasangan kembar Cheng Su Hui-Cheng Su Yin gagal memastikan semua pemain beregu wanita negara mara ke final apabila tewas kepada Isabella-Marie 21-15, 17-21, 19-17.

Dalam kategori beregu lelaki, Beh Chun Meng-Goh Boon Zhe terkandas pada peringkat separuh akhir selepas disingkirkan oleh pemain Indonesia Mu Erwiansyah-Patra Rindorindo dengan kemenangan straight set 21-9, 21-18 manakala cabaran Malaysia dalam kategori perseorangan wanita juga berakhir pada separuh akhir apabila Siti Nurshuhaini Azman ditundukkan oleh Mutiara Puspitasari dari Indonesia 21-15, 21-17. - BERNAMA

Indonesia hasrat bawa masuk jurulatih dari Malaysia

PENGARAH teknikal baharu pasukan hoki kebangsaan Indonesia Muhammad Dharma Raj Abdullah bercadang mendapatkan khidmat jurulatih dari Malaysia dalam misi mengubah nasib sukan hoki republik itu.

Bekas ketua jurulatih pasukan hoki wanita negara itu berkata ramai jurulatih tempatan telah menunjukkan minat untuk ke Indonesia bagi menguji kemahiran membimbing pasukan, selain mencari cabaran baharu.

Beliau juga tidak teragak-agak membawa masuk ramai jurulatih dari Malaysia jika diberi peluang melakukannya memandangkan terda-

pat keseluruhan 34 wilayah di Indonesia dengan 17 daripadanya aktif dalam sukan hoki.

"Agak mustahil untuk saya seorang diri membangunkan hoki Indonesia, jika ada peluang membawa masuk beberapa ramai jurulatih dari Malaysia ke sini saya rasa ia sangat mudah untuk mereka (jurulatih)," katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

Muhammad Dharma, 51, berkata selain faktor jarak antara Malaysia dan Indonesia yang dekat, perbezaan tidak begitu ketara dari segi bahasa dan istilah juga memberi kelebihan besar kepada barisan jurulatih tempatan.

Jelasnya faktor komunikasi amat penting dalam bidang kejurulatih dan kelebihan itu boleh menjadi antara kunci untuk berjaya di republik itu.

"Jurulatih berfasih dalam bahasa Inggeris pun bergelut dan susah untuk bertahan di Indonesia sebab rakyat negara itu hampir semua bertutur dalam bahasa Indonesia, iaitu agak sama dengan bahasa Malaysia," kata bekas pemain hoki kebangsaan itu.

Pasukan hoki lelaki kebangsaan Indonesia kini di ranking ke-53 dunia sementara pasukan wanita di tempat ke-36.

Sebelum ini, Bernama melapor-

kan Dharma Raj dilantik Federasi Hoki Indonesia sebagai pengarah teknikal pasukan kebangsaan republik itu dengan kontrak sehingga Disember 2025.

Pelantikan itu menyaksikan beliau akan melepaskan jawatan Pengarah Teknikal Hoki Wilayah Jawa Barat yang disandangnya sejak 10 bulan lalu selepas mengambil keputusan membawa diri ke Indonesia tahun lalu.

Sepanjang membimbing skuad Malaysian Tigress dari 2016-2019, pelbagai kejayaan diraih beliau antaranya pingat emas Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 selain mencipta sejarah muncul naib juara Pusingan



MUHAMMAD Dharma

Kedua Liga Hoki Wanita Dunia 2017 dan menduduki tempat kelima pada Sukan Asia 2018 Jakarta-Palembang. - BERNAMA



Perak FC mungkin guna pemain pasukan 'feeder' ■²³

MELAKA HARI INI / 31 Mei - 6 Jun 2021

Sukan

MELAKA HARI INI



Jangan berpuas hati dengan kejayaan - Choong Han ■²³



Dua import Brazil 'senjata' MUFC

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KEMASUKAN dua pemain import baru, Giovane Gomes dan Adriano Narcizo diyakini mampu menjadi senjata ampuh buat Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) merobek gawang lawan pada pusingan kedua Liga Super pada awal Julai depan.

Ketua Jurulatih MUFC Zainal Abidin Hassan berkata, pertukaran dua pemain dari Brazil itu menggantikan tempat penyerang import terdahulu, Alex dos Santos Goncalvez dan Stefan Nikolic amat penting memandangkan faktor menjaringkan gol menjadi antara kelemahan utama skuad Hang Tuah.

Jelasnya lagi, faktor keserasian dua pemain baru itu juga menjadi antara faktor yang diyakini boleh memberi kelebihan besar buat skuad kendaliannya keluar dari zon penyingkiran.

"Bagi saya kita dapat lihat kegalan pemain yang lepas amat ketara sekali dengan peluang-peluang yang diperolehi (gagal dimanfaatkan) dan juga tak nafikan kcederaan yang menimpa Alex... bahagian serangan paling penting untuk pasukan."

"Pertukaran kedua-dua penyer-

ang amat penting dan amat diperlukan untuk pasukan. Mereka (Giovane Gomes dan Adriano Narcizo) mengenali sesama sendiri dan jika tempoh singkat ini ingin mengambil pemain import secara berasingan banyak kerja yang saya perlu buat.

"Jadi pengalaman mereka di sini boleh dikatakan mereka mempunyai persefahaman yang baik, jadi untuk menyerap dalam pasukan saya rasa lebih mudah," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Zainal turut merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan MUFC yang terus memberi kepercayaan kepadanya menggalakkan pasukan itu meskipun berdepan kecaman dalam pelbagai sudut.

"Bagi saya apa yang perlu saya perbaiki, saya akan perbaiki, terima kasih kepada pihak pengurusan yang masih memberi kepercayaan kepada saya dan ini adalah masa untuk saya membuktikan sesuatu."

"Saya juga bersyukur kerana permintaan saya untuk menukar penyerang juga telah diterima pihak pengurusan, jadi tanggungjawab saya lebih penting dan lebih berat untuk pasukan ini," katanya lagi.

Indonesia hasrat bawa masuk jurulatih dari Malaysia ■²³

